

Jilid II
Bil. 31



Hari Selasa
18hb Oktober, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

- Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 5569]**
- Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 5570]**

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5571]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5619]

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Setem (Pindaan dan Perluasan) [Ruangan 5662]**
- Rang Undang-undang Bidan (Pindaan dan Perluasan) [Ruangan 5670]**
- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) (No. 2) 1988**
[Ruangan 5620]

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.27 [Ruangan 5636]

KANDUNGANNYA—(samb.)

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1988 [Ruangan 5620]

Jawatankuasa—

Maksud P.44 [Ruangan 5640]

Maksud P.53 [Ruangan 5640]

Maksud P.54 [Ruangan 5641]

Maksud P.56 [Ruangan 5649]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- .. TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N. B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 18hb Oktober, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

PEMASYHURAN
TIMBALAN YANG DI-
PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Kebankrapan (Pindaan) 1988;
2. Akta Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Pindaan) 1988;
3. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988;
4. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1988;
5. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1988;
6. Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1988;

7. Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988;
8. Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) 1988;
9. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1988; dan
10. Akta Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan) 1988.

PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN NEGARA

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu. Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Parlimen Malaysia,
Kuala Lumpur.

*Perutusan daripada Dewan Negara
kepada Dewan Rakyat*

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Kebangkrapan (Pindaan);

2. Rang Undang-undang Pmerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit;
4. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pmerbadanan);
8. Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan); dan
10. Rang Undang-undang Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN
NEGARA."

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

FELDA—JALAN DI PERKAMPUNGAN DINAikkan TARAF

1. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan iaitu

adakah Kementerian bercadang untuk menimbangkan semula supaya semua jalan-jalan di dalam perkampungan FELDA di seluruh negara dinaikkan taraf jalan tar. Kalau bercadang, bilakah perkara ini akan dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, FELDA memang sedar akan pentingnya jalan-jalan di perkampungan rancangan-rancangan FELDA dinaikkan taraf dan dijadikan turapan tar. Tetapi dalam Rancangan Malaysia Keempat iaitu daripada tahun 1981 hingga 1985, wang peruntukan untuk penurapan jalan di rancangan-rancangan FELDA telah tidak diperuntukkan kerana kedudukan kewangan negara yang agak tidak memuaskan. Bagaimanapun, pihak FELDA menerusi Kementerian ini telah pun mengemukakan semula permohonan peruntukan untuk dibelanjakan membuat penurapan tar kepada jalan-jalan dalam perkampungan FELDA di seluruh negara. Tetapi Jemaah Menteri terpaksa menangguhkan keputusan dalam perkara permohonan ini kepada suatu masa yang akan ditentukan kelak.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, bolehkah Kerajaan mengkaji sebagaimana pihak Kerajaan boleh mengenakan satu ses di atas pasaran komoditi daripada skim-skim FELDA untuk menampungkan satu tabung melalui mana kita boleh menyampaikan hasrat penduduk-penduduk daripada skim-skim FELDA khasnya menyampaikan kemudahan asas seperti jalan dan lain-lain perkara?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, mula-mula soalan itu saya merasakan tidak ada kaitan

dengan soal asal, tetapi dikeluk untuk menjadikan soalan ini ada kaitan dengan prasarana jalan ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, soal cess ini memang sudah ada di dalam praktis dan juga dalam cara-cara Kerajaan mendapat hasil daripada komoditi seperti getah ini.

Saya percaya soal-soal memberi peruntukan kepada jalan ini ada kaitan dengan wang cess yang didapati dan soal berapa banyak diperuntukkan kepada perasarana seperti jalan ini akan dapat diputuskan apabila pihak Jemaah Menteri sudah bersedia untuk menimbangkan perbelanjaan untuk membuat jalan di perkampungan seluruh rancangan-rancangan FELDA ini nanti.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada perkampungan FELDA ini amat penting kerana kerosakan jalan-jalan tanah merahya dan saya rasa jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menunjukkan bahawa peruntukan dibawah Rancangan Malaysia Keempat telahpun habis dan tidak ada peruntukan, mungkin dalam Rancangan Malaysia Kelima perhatian yang begitu lebih serius bagi kepentingan peneroka-peneroka FELDA dapat diberi supaya jalan-jalan di kawasan mereka betul-betul diperbaiki dan dapat dimanfaatkan oleh peneroka-peneroka dalam kawasan tersebut. Saya meminta penjelasan adakah Kementerian bercadang supaya peruntukan yang lebih besar dalam Rancangan Malaysia Kelima ini diberikan kepada peneroka-peneroka FELDA bagi memperbaiki jalan-jalan di kawasan mereka.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soal sama ada peruntukan yang lebih besar akan diberikan atau tidak tentu sekali berasaskan sama ada kita akan

membuat keputusan untuk memberi peruntukan yang sewajarnya untuk membuat jalan-jalan yang menjejaskan kehidupan sehari-hari golongan peneroka sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai tadi.

Tuan Yang di-Pertua, memang jalan-jalan sekarang sebenarnya adalah jalan merah daripada selut dan tentu sekali apabila musim hujan ianya akan lekat di kaki dan apabila musim panas ia berdebu tetapi dengan keadaan sepertimana yang saya nyatakan tadi, pada waktu ini pihak Kerajaan terpaksa tangguhkan dahulu tentang peruntukan itu.

Walau bagaimanapun saya berharap saudara Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sekiranya ada peruntukan-peruntukan yang lebih, tolonglah berikan kepada rancangan-rancangan FELDA itu sendiri, kalau tak boleh panjang sebatu-dua batu, buat permulaannya tiap-tiap setahun suku batu. Dengan cara itu sokongan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat akan bertambah kental lagi.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN MALAYSIA-SINGAPURA

2. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Luar menyatakan pelaksanaan dan implikasi ekonomi, politik dan keselamatan kepada negara Malaysia di atas penandatanganan Memorandum Persefahaman Empat Perkara Asas Malaysia-Singapura, sempena lawatan Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yee ke negara ini pertengahan tahun 1988.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Memorandum Persefahaman yang ditandatangani oleh kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Singapura hanya

mengandungi tiga perkara asas sahaja, iaitu mengenai perbekalan air, penjualan gas cecair ke Singapura dan perkhidmatan feri di antara Johor dan Singapura.

Berikutan dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman tersebut, kedua-dua belah pihak telah dan akan terus mengadakan beberapa mesyuarat di peringkat pegawai-pegawai kanan dan teknikal bagi menyelaraskan dan melaksanakan ketiga-tiga projek yang terkandung dalam memorandum tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi ekonomi, pelaksanaan projek-projek tersebut akan menghasilkan peluang jangka panjang yang menggalakkan. Pembekalan air ke Singapura adalah selaras dengan Perjanjian Air Sungai Johor 1962, sementara hak dan kepentingan Malaysia adalah tetap terpelihara.

Penjual gas cecair ke Singapura pula akan merupakan sumber hasil kepada pendapatan negara. Syarat-syarat yang dipersetujui di antara kedua-dua negara adalah adil dan saksama dan merupakan yang terbaik yang dapat dicapai mengikut pandangan Malaysia.

Kedua-duanya projek tersebut juga dijangka akan dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan serta kontrak-kontrak binaan, manakala projek perkhidmatan feri pula adalah merupakan usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan industri pelancongan. Dengan adanya perkhidmatan feri tersebut, ia akan memberi kemudahan kepada pelancong-pelancong dari Singapura serta juga pelancong-pelancong antarabangsa yang datang ke Singapura supaya melancong terus ke Malaysia amnya dan Johor khususnya.

Daripada segi politik pula, pelaksanaan projek-projek tersebut mencerminkan hubungan yang saling

bergantung di antara kedua-dua buah negara yang berjiran serta dapat mengukuhkan semangat kerjasama di antara Malaysia dan Singapura.

Selain daripada itu negara Johor juga akan dapat menikmati kesannya. Peningkatan persefahaman dan saling bergantung ini juga sekaligus meningkatkan keselamatan kedua-dua buah negara.

Dr Goh Cheng Teik: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut maklumat terakhir bilakah gas cecair asli akan bermula dibekalkan ke Singapura dan apakah hasil setahun yang dianggarkan yang boleh didapati dari penjualan gas ini?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan tambahan itu begitu spesifik sekali, pihak saya perlukan notis.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Beberapa ketika dahulu dilaporkan bahawa terdapat sekumpulan askar dari Singapura telah memasuki ke kawasan Malaysia iaitu di Johor tanpa izin. Saya percaya bahawa kemasukan tentera Singapura ke Malaysia ini bukanlah pertama kalinya dibuat pada ketika itu, kalau saya tidak silap, beberapa tahun yang lalu bahawa terdapat sebuah helikopter Singapura telah terbang sehingga sampai ke tanah daratan Johor tanpa mendapat izin daripada pihak keselamatan Malaysia. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kejadian-kejadian ini.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ada juga dilaporkan bahawa Kerajaan Singapura memang cenderung untuk mengadakan latihan tenteranya di hutan-hutan di Malaysia. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan penerangan kepada Dewan yang mulia ini apakah

pandangan Kerajaan Malaysia tentang permintaan daripada Singapura itu?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan pertama itu, pihak Kerajaan memang sedar bahawasanya ada beberapa kali askar-askar dari Singapura telah pun memasuki perairan negara kita tetapi kita dapati bahawasanya setelah kita melaporkan perkara itu kepada kerajaan Singapura, mereka mengatakan bahawasanya kejadian itu kejadian tak disengajakan dan adalah merupakan perkara-perkara yang tersilap yang telah pun dibuat oleh pihak askar. Pihak Kerajaan Singapura telah pun menuntun maaf daripada kita dan di atas semangat yang baik dan yang mahukan satu persefahaman yang erat di antara kedua-dua negara yang berjiran, pihak negara kita telah pun menerima permintaan maaf daripada Kerajaan Singapura di atas kesilapan yang telah pun dilakukan oleh askar-askar yang berkenaan.

Tentang soalan yang kedua itu, saya kira patut sangat dijawab oleh Kementerian Pertahanan dan bukannya daripada Kementerian Luar Negeri. Saya kira, jikalau sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin mendapat jawapan yang lebih jelas, haraplah ditujukan soalan ini kepada Kementerian yang berkenaan.

KEMPEN ANTI—DADAH KEBANGSAAN—KESAN

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah hasil-hasil positif yang telah dicapai sejak pelancaran kempen Anti Dadah Kebangsaan dalam tahun 1983. Oleh kerana penagihan dan pengedaran dadah telah menjadi satu masalah yang sangat serius sejak akhir-akhir ini di Kuala Lumpur, apakah operasi tertentu yang telah dilancarkan untuk membersihkan ibunegara dari

penagihan dadah dan bagaimana berjayanya operasi ini.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, hasil-hasil positif yang telah dicapai sejak pelancaran Kempen Anti-Dadah Kebangsaan dalam tahun 1983 adalah seperti berikut:

- (i) Timbulnya kesedaran masyarakat mengenai bahaya dan masalah dadah dan terdapat kerjasama semua pihak untuk bersama-sama mencegah dan membanteras masalah penagihan dadah. Ini kelihatan dengan terdapatnya penurunan dalam bilangan kes-kes penagih dadah baru dari 14,624 penagih dadah dalam tahun 1983 kepada 7,596 penagih dadah dalam tahun 1987.
- (ii) Bekalan dadah heroin dalam pasaran telah berkurangan. Harganya telah meningkat, manakala ketulinannya telah menurun berikutan dari tindakan-tindakan tegas dan agresif pihak berkuasa dalam mengawal pengedaran dadah serta dengan wujudnya undang-undang yang ketat. Sindiket-sindiket dadah antarabangsa mula mengelak dari menggunakan Malaysia sebagai negara transit.
- (iii) Usaha dan pendirian tegas Kerajaan Malaysia terhadap masalah dadah telah mula mendapat sokongan dan sanjungan masyarakat antarabangsa. Semakin banyak negara menyokong hukuman gantung untuk pengedar dan mengiktiraf masalah dadah di negara masing-masing. Kerjasama antarabangsa dalam memerangi masalah dadah ini

adalah sangat perlu dalam memerangi wabak dadah dengan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada bulan Julai tahun ini satu operasi telah diadakan untuk menangkap penagih-penagih dadah di Kuala Lumpur. Dalam operasi ini seramai 160 orang yang disyaki penagih dadah telah ditahan dan 101 orang daripadanya disahkan sebagai penagih dan telah dimasukkan ke pusat-pusat Pemulihan Dadah. Berikutan dari operasi itu bilangan orang yang disyaki menagih dadah di tempat-tempat awam telah berkurangan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada beliau sedar bahawa sungguhpun terdapat berbagai-bagai undang-undang di negara kita ini termasuk undang-undang yang membawa hukuman gantung tetapi nampaknya masalah dadah masih merupakan satu masalah yang amat serius yang dihadapi oleh masyarakat kita. Dan sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar tentang hal ini maka saya ingin bertanya apakah langkah-langkah lanjut yang akan diambil dan sama ada pihak Kerajaan mempunyai keazaman penuh untuk mengatasi masalah ini.

Yang kedua ialah saya ingin juga mendapat tahu sejauh manakah keberkesanan undang-undang yang telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah berkenaan dengan pengedaran dadah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sesiapa pun tidak boleh mempertikaikan keazaman Kerajaan Malaysia dalam memerangi dadah. Namun demikian, dadah bukanlah mudah untuk dihapuskan.

Negara seperti Amerika Syarikat yang membelanjakan wang ratusan juta ringgit dan menggunakan pesawat terbang yang lengkap dengan radar untuk mengesan penerbangan-penerbangan haram ke Amerika Syarikat dan mempunyai pasukan tertentu untuk mencegah dadah juga tidak dapat mengurangkan penggunaan dadah di Amerika Syarikat.

Sebenarnya, di Amerika Syarikat penggunaan dadah sedang meningkat, sehingga ada pihak-pihak yang mencadangkan supaya dihalalkan penggunaan dadah. Tetapi saya diberi maklum oleh Setiausaha Negara Amerika Syarikat bahawa Kerajaan Amerika tidak akan menghalalkan penggunaan dadah.

Jelas daripada ini bahawa satu perkara yang mudah untuk menghapuskan penagihan dadah. Di Malaysia kita telah berjaya mengurangkan kes-kes baru. Ini menunjukkan bahawa sekurangnya kita dapat membendung dan sedikit sebanyak mengurangkan penggunaan najis dadah ini. Dan ini sudah tentu ada kaitan dengan undang-undang yang dilaksanakan dan dikuatkuasakan dalam negara kita.

Yang sebenarnya, saya telah ditanya beberapa kali tentang bagaimana kita dapat membendung dadah di Malaysia dan ramai yang berkata bahawa undang-undang di Malaysia amatlah sesuai dan mereka iaitu pemimpin-pemimpin negara-negara asing hampir kesemuanya mengatakan keinginan mereka untuk mengadakan undang-undang yang sama, termasuk hukum gantung kepada pengedar-pengedar dadah. Malaysia, kata mereka, mereka tidak berani menyuarakan pendapat ini kerana akan ditentang oleh sebahagian daripada aktivis-aktivis dan juga oleh akhbar-akhbar kalau dicadangkan undang-undang ini dilaksanakan di negara mereka.

Saya telah terangkan akan kesan undang-undang dalam jawapan saya tadi dan saya tidak berhajat untuk mengulanginya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjelaskan bahawa jumlah negara-negara di dunia ini yang telah mengenakan hukuman gantung kepada mereka yang didapati terlibat dengan dadah ini makin hari makin bertambah. Bolehkah Yang Amat Berhormat menerangkan jumlah negara-negara itu. Dan adakah kejayaan menambahkan jumlah ini, kejayaan negara kita, sebagai contoh; ataupun itu atas kesedaran negara-negara tersebut sendiri.

Yang kedua soalan saya ialah apakah Kerajaan sekarang juga menganggap bahawa minuman-minuman keras yang juga diamalkan pengambilannya oleh rakyat di negara ini sebagai salah satu daripada penagihan dadah dan kalau dianggap sebagai penagihan dadah apakah langkah-langkah diambil untuk menyenaraikan ini dalam senarai dadah dan untuk menentukan supaya mereka yang mengambil minuman ini juga diambil tindakan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berkata bahawa sudah bertambah negara-negara yang mengadakan undang-undang seperti yang terdapat di Malaysia ini iaitu hukuman bunuh secara mandatori kepada orang yang terlibat dengan pengedaran dadah. Apa yang saya kata ialah hampir semua pemimpin-pemimpin Kerajaan yang saya berjumpa; saya kata, hampir kesemua pemimpin-pemimpin Kerajaan yang saya berjumpa bersetuju dengan undang-undang di Malaysia tetapi mereka tidak dapat mengadakan undang-undang ini kerana sebab-sebab tertentu.

Namun demikian, dua tiga buah negara yang telahpun mengambil contoh daripada Malaysia ialah Mauritius dan jika saya tidak salah Sri Lanka juga telah menentukan hukum bunuh bagi pengedar-pengedar dadah.

Berkaitan dengan soalan minuman-minuman keras ini sehingga kini kita tidak mentafsirkan minuman keras sebagai dadah. Jadi belum sampai masanya yang kita akan hukum gantung orang yang jual minuman keras.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah masalah timbul di mana pegawai-pegawai Kerajaan yang bekerja dalam Pusat-pusat Pemulihan Penagih Dadah, pegawai-pegawai itu sendiri membekal atau menyeludup dadah kepada orang-orang atau penagih-penagih dadah yang ditahan itu. Sejauh manakah masalah ini telah wujud. Apakah tindakan yang telah diambil.

Yang kedua, undang-undang dadah yang keras yang dikatakan ganas telah diluluskan setelah dibentang oleh pihak Kerajaan atas alasan bahawa Akta itu diperlukan untuk membanteraskan bukan pengedar dadah kecil sahaja, bahkan bagi membanteras apa yang dapat dikatakan sebagai drug lord atau raja-raja dadah. Maka soalan saya ialah sejauh manakah kejayaan telah dicapai oleh pihak Kerajaan di dalam membanteras pengedar-pengedar dadah yang besar. Ini sahaja.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ada kes-kes yang melibatkan pegawai-pegawai Kerajaan mengedar dadah di pusat pemulihan dadah tetapi saya tidak dapat memberi butir-butir lanjut berkenaan dengannya kerana saya memerlukan masa mendapatkan butir-butir yang benar berkenaan perkara ini.

Berkenaan dengan soal setakat mana kita berjaya mengambil tindakan kepada raja dadah, sehingga kini kita belum dapat mengasingkan yang mana raja dan yang mana bukan. Oleh kerana itu saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat berkenaan dengan perkara ini.

TELEFON ATUR DI KUDAT

4. **Tuan Joe Ojhi Supiring** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan oleh sebab didapati banyak peniaga-peniaga luar bandar, terutama sekali pengusaha kayu balak dan platation di Daerah Kudat memperoleh talipon ATUR dan sistem ini kurang memuaskan di kawasan ini kerana ketiadaan (RBS) Radio Base Station, di Kudat, bilakah Kementerian ini dapat memasang RBS di Kudat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Telekom Malaysia telah merancang untuk membina satu stesen induk baru iaitu Radio Base Station di Bukit Kelapa di kawasan bandar Kudat. Stesen baru ini dijadual akan beroperasi dalam bulan Ogos tahun 1989. Dengan stesen tambahan ini mutu perkhidmatan ATUR di kawasan Kudat akan dapat dipertingkatkan.

EKSPORT MALAYSIA KE AMERIKA SYARIKAT DI BAWAH GSP

5. **Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bagaimanakah kedudukan Skim Keutamaan Khas (GSP) terhadap barangan Malaysia yang dieksport ke Amerika Syarikat sekarang. Adakah pihak Malaysia berjaya mempertahankan kedudukannya dan apakah alasan-alasan yang

diberi oleh AFL-CIO untuk mengeluarkan Malaysia daripada Skim Keutamaan Khas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, jumlah eksport Malaysia ke Amerika Syarikat dibawah Skim Keutamaan Khas (GSP) pada tahun 1987 adalah sebanyak \$878 juta. Eksport bagi 6 bulan pertama tahun 1988 ke negara itu adalah sebanyak \$572 juta dibandingkan dengan \$421 juta bagi tempoh yang sama bagi tahun 1987. Ini menunjukkan pertambahan eksport sebanyak 35.86% dalam jangka masa tersebut. Di antara eksport-eksport utama Malaysia ke negara itu di bawah GSP adalah seperti alat-alat elektrik, alatan jentera, koko dan keluaran koko dan keluaran getah.

Tuan Yang di-Pertua, pada penghujung bulan Ogos, 1988, Pentadbiran Amerika Syarikat telah mengumumkan keputusannya untuk menerima petesyen yang dikemukakan oleh AFL-CIO yang mendesak supaya Pentadbiran itu mengeluarkan Malaysia daripada senarai negara-negara yang menerima kemudahan GSP. Menurut pihak Amerika Syarikat ini adalah amalan biasa mereka menerima mana-mana petisyen untuk pertama kali terhadap sesebuah negara dan inilah pertama kali Malaysia dipetisyen sedemikian. Dengan itu Pentadbiran Amerika Syarikat akan membuat kajian terperinci terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam petisyen itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat satu jadual telah ditetapkan oleh Pentadbiran Amerika Syarikat kepada Malaysia yang terlibat dalam kajian itu seperti berikut:

- (i) kenyataan secara lisan akan diadakan pada 15hb-17hb November, 1988 dan terbuka kepada pihak awam;

- (ii) tarikh akhir bagi mengemukakan kenyataan bertulis secara lengkap kepada pejabat United States Trade Representative, dengan izin, ditetapkan pada 1hb Disember, 1988;
- (iii) keputusan terhadap kajian yang akan dijalankan oleh Pentadbiran Amerika Syarikat akan ditentukan pada 1hb April, 1989; dan
- (iv) pelaksanaan keputusan tersebut pada 1hb Julai, 1989.

Setakat ini pihak Amerika Syarikat cuma telah menerima petisyen yang dikemukakan oleh AFL-CIO tetapi belum lagi membuat keputusan sama ada akan mengeluarkan Malaysia dari senarai negara-negara yang menerima kemudahan itu. Pihak Pentadbiran Amerika Syarikat akan menyiasat isu-isu yang dibangkitkan dalam petisyen tersebut dan pihak Malaysia diberikan peluang untuk mengemukakan hujah-hujah dan menjelaskan kedudukan terhadap isu-isu tersebut. Sehubungan dengan itu Malaysia akan membuat kenyataan lisan pada bulan November, 1988 dan akan mengemukakan kenyataan bertulis secara lengkap sebelum 1hb Disember, 1988.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya alasan yang diberikan oleh AFL-CIO untuk mengeluarkan Malaysia daripada Skim Keutamaan Khas adalah bersangkutan dengan amalan hak asasi pekerja. AFL-CIO menuduh bahawa Malaysia tidak mengambil langkah-langkah penting untuk menghormati dan melaksanakan hak asasi kaum pekerja yang telah diperakukan oleh Pertubuhan Pekerja Antarabangsa kepada pekerjanya. Di antara isu-isu yang diketengahkan adalah "Right of Association, Right to Organise and Bargain Collectively" serta minimum wages, dengan izin, bagi kaum pekerja. Selain dari itu

AFL-CIO juga mengaitkan isu hak asasi pekerja dengan penahanan beberapa pemimpin Kesatuan Pekerja di bawah ISA.

Sungguhpun terlalu awal bagi Malaysia untuk membuat penilaian sama ada berjaya atau tidak mempertahankan kedudukannya dalam perkara ini, pihak kita adalah yakin bahawa rekod negara serta amalan-amalan kita tentang tenaga pekerja akan membuktikan bahawa alasan-alasan petisyen itu tidak berasas sama sekali.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu bagaimanakah kedudukan Skim Keutamaan Khas (GSP) terhadap barangan Malaysia akibat kecaman yang dibuat oleh salah seorang warganegara Malaysia baru-baru ini? Bagaimanakah Amerika Syarikat melayan pengkhianat ini dan apakah peranan yang telah dimainkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi memastikan bahawa Skim Keutamaan Khas ini berjalan dengan baik? Jawapan yang saya minta, saya tidak mahu, ya atau tidak, atau tunggu notis.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Itu terserah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang akan menjawabnya.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat belum mengambil satu keputusan terhadap petisyen AFL-CIO. Mereka telah memberi peluang kepada Kerajaan Malaysia untuk menyampaikan hujah-hujah kita ataupun penjelasan-penjelasan kita terhadap isu ini secara lisan dan juga secara bertulis.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan kerjasama lain-lain Kementerian iaitu Kementerian Buruh, Kementerian Luar Negeri dan

Kementerian Dalam Negeri sedang menyediakan satu jawapan yang lengkap dan akan dikemukakan kepada pihak Jawatankuasa GSP itu supaya peluang GSP itu diteruskan kepada Malaysia berharap petisyen AFL-CIO tidak berasas dan kita boleh berjaya dalam kes ini.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Setiausaha Parlimen tadi mengatakan bahawa masa yang diberi kepada kita untuk "hearing" ialah 5 minit sahaja. Apakah langkah ini mencukupi dari segi "natural justice"?

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita diberi 5 minit mengemukakan kes kita kepada pihak Jawatankuasa GSP itu, ini boleh dikatakan tidak melanggar hak manusia kerana kita diberi peluang untuk mengemukakan satu jawapan yang lengkap secara bertulis. Itu tidak merampas hak kita untuk mengemukakan kes kepada pihak Jawatankuasa GSP itu.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya negara kita begitu khuatir dan bimbang jika nama negara kita dikeluarkan dari senarai skim keutamaan khas. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu apakah akibatnya ataupun kerugian negara kita akan dialami jika kita dikeluarkan dari senarai itu. Ini adalah untuk menunjukkan beliau tahu portfolio yang dia pegang. (*Ketawa*)

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, semua masalah GSP ini adalah dimulakan oleh pihak DAP (*Tepuk*) dan sekiranya Amerika Syarikat menarik balik GSP dari Malaysia, eksport akan merosot, kadar pelaburan akan terjejas kerana pelabur-pelabur lebih minat untuk

melabur di negara yang menikmati skim GSP. Jumlah syarikat mungkin terjejas kalau hasrat DAP disampaikan. Jumlah syarikat mungkin terjejas ialah 895 membabitkan modalnya \$5 billion dan 75,000 pekerja boleh menganggur dan juga kita akan mengalami kerugian dari segi nilai eksport di bawah GSP adalah \$878.90 juta pada tahun 1987. Ini merupakan 21.04% dari jumlah eksport di bawah skim GSP. Ini menyumbang 11.74% dari keseluruhan nilai eksport Malaysia ke Amerika Syarikat. Kita berdoa kepada Tuhan hasrat DAP tidak dicapai. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia banyak tahu tugas dia sebagai Setiausaha Parlimen. (*Ketawa*)

RANTAU AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI DI ASIA TENGGARA

6. **Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah beliau menyokong saranan Gorbachev, pemimpin Soviet Union yang sedia mengundurkan tenteranya dari Vietnam sekiranya Amerika juga bersedia mengundurkan pengkalannya dari Asia Tenggara. Adakah saranan pemimpin Soviet itu memberi erti bahawa dasar ZOPFAN—rantau aman, bebas dan berkecuali yang dipelopori oleh Allahyarham Tun Razak itu terbengkalai.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, usaha-usaha untuk mewujudkan rantau aman, bebas dan berkecuali ataupun ZOPFAN di Asia Tenggara telah lama dipelopori oleh Malaysia dan anggota-anggota ASEAN yang lain. Usaha-usaha ini merupakan satu proses dan matlamat

mewujudkan rantau sedemikian telah ditegaskan sekali lagi semasa Persidangan Kemuncak ASEAN yang telah diadakan di Manila pada akhir tahun lepas. ASEAN akan terus berusaha ke arah pencapaian matlamat ini. Melihat dari konteks ini saranan Gorbachev yang sebenarnya bukan satu saranan baru adalah sejajar dengan proses mewujudkan rantau yang dimaksudkan itu.

LEBUHRAYA PAN BORNEO

7. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada konsep Lebuhraya Pan Borneo itu masih wujud memandangkan Negara Brunei Darussalam belum memberi persetujuan kepada pembinaan jambatan yang menyeberangi Sungai Pendaruan di antara Temburong dan Limbang. Apakah sebabnya persetujuan ini belum diberi walaupun perbincangan di antara dua Kerajaan telah pun diadakan beberapa tahun yang lalu. Apakah cadangan lain Kerajaan dalam perkara ini.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa konsep Lebuhraya Pan Borneo masih lagi wujud pada masa sekarang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan telah pun merancang untuk membina jambatan-jambatan di Sungai Batang Terusan, Sungai Siang-Siang dan juga Sungai Limbang di Bahagian Limbang, yang merupakan sebahagian daripada rangkaian Lebuhraya Pan Borneo itu.

Tentang masalah persetujuan yang belum dicapai, ianya menyentuh perkara dasar dan oleh itu masih dalam pertimbangan kedua-dua Kerajaan. Oleh kerana ianya masih dalam pertimbangan, Kerajaan tidak mempunyai cadangan lain dalam perkara ini.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang sebenar kenapa Negara Brunei tidak memberi persetujuan kepada negara kita untuk membuat jambatan di Sungai Pendaruan di antara Temburong dan Limbang ialah oleh kerana kalau Negara Brunei bersetuju dengan cadangan ini bahawa mereka "recognition" kepada Sungai Pendaruan sebagai "official boundary" di antara Malaysia dan Brunei. Itu sebab Negara Brunei tidak memberi persetujuan oleh kerana mereka masih tidak mahu memberi pengiktirafan kepada Sungai Pendaruan sebagai "official boundary" di antara Brunei dan Malaysia. Jadi, kalau Yang Berhormat Menteri sedar, apakah cadangan Malaysia supaya masalah ini masalah yang sensitif ini, seperti masalah "claims" Filipina terhadap Sabah? Apakah cadangan Kerajaan supaya kita dapat mengelakkan satu konfrantasi dengan Negara Brunei mengenai dengan "border dispute", dengan izin.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah sempadan bukan masuk dalam tujuan Kementerian atau Kementerian saya tidak dapat mengambil apa-apa tindakan dalam perkara seperti ini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Brunei Darussalam sedang membincang perkara ini dengan Kementerian Luar Negeri. Mereka bersetuju atau tidak, ini bukan berertinya kita tidak mempunyai jalan yang lain untuk mengadakan hubungan di antara Sabah dan Sarawak. Kami ada juga satu rancangan yang lain untuk menghubungkan kedua-dua negeri ini, tetapi ini akan memakan masa dan juga perbelanjaan yang lebih. Ini ada dalam timbangan sekarang. Saya tidak boleh memberi butir-butir berkenaan dengan ini. Saya percaya dalam satu

masa akan datang kita boleh juga memberi sedikit penerangan berkenaan dengan ini.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kami semua sedar bahawa industri pelancongan di Sabah dan Sarawak amat mempunyai potensi, tetapi satu masalah besar yang dihadapi oleh tempat ini iaitu infrastruktur komunikasi, terutama jalan. Pihak Yang Berhormat telah pun membuat rancangan untuk membuat lebuh raya dari Genting ke Cameron Highlands, tetapi mengapa Lebuh raya Pan Borneo ini hanya konsepnya wujud, mengapa tidak mengambil tindakan tegas, konkrit dan cepat mengadakan infrastruktur jalan di Sabah dan Sarawak, di samping untuk meningkatkan industri pelancongan serta memberi kemudahan kepada semua rakyat jelata di Sabah dan Sarawak. Itu saya ingin tahu.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Ahli Yang Berhormat tadi, iaitu berkenaan dengan hubungan di antara negeri Sabah dan Sarawak melalui negeri Brunei, itulah masalah yang kita belum dapat selesaikan. Tetapi mengenai masalah-masalah infrastruktur atau jalan-jalan yang sedia ada di negeri Sabah dan Sarawak, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sedang menjalankan 4 buah projek berharga lebih daripada \$350 juta. Di negeri Sarawak saja ada satu projek yang baru-baru ini kita tawarkan tender yang berharga lebih daripada \$80 juta untuk menjalankan projek-projek infrastruktur. Ini ialah dengan tujuan untuk menggalakkan lebih pelancong kepada berdua-dua negeri ini. Tetapi tentang soalan mengapakah kita tidak boleh berhubung dengan berdua-dua negeri ini melalui negeri Brunei, iaitu berkenaan dengan soalan

politik yang sedia ada di antara berdua-dua negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam lawatan beliau

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan, bukan "berdua-dua" tetapi "kedua-dua" negeri. (*Ketawa*)

Dato' S. Samy Vellu: Bukan kedua-dua negeri—kedua-dua negara. (*Ketawa*) Saya kata "negara", oleh kerana saya rujuk kepada dua buah negara iaitu Malaysia dan Brunei, bukan "negeri"—kedua-dua negara. ini, sekali lagi saya kata kedua-dua negara. Oleh kerana dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membincangkan dengan negara Brunei berkenaan dengan hubungan ini, saya percaya tidak berapa lama lagi kita akan boleh mendapat satu keputusan daripada negara Brunei. Saya percaya, dengan itu kita boleh juga menyelesaikan masalah hubungan melalui Brunei ke Sabah dan Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Dr Eng Seng Chai.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan kelapan, tetapi dengan satu pembetulan ejaan perkataan di ayat yang kelima iaitu "peratusan" bukan "peraturan" sebagaimana yang tercetak.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed bin Haji Daud): Baiklah.

INDUSTRI INSURANS— PENYELEWENGAN

8. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan untuk memastikan kelemahan-kelemahan dan penyelewengan-penyelewengan perindustrian insurans

tidak akan berlarutan. Benar-benar syarikat-syarikat yang mengalami kerugian besar dan kesulitan kewangan sekarang. Adakah sebarang rancangan menetapkan kadar peratus maxima "reinsurance" di luar negeri oleh syarikat-syarikat insurans di Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi memastikan kelewatan-kelewatan dan penyelewengan-penyelewengan industri insurans tidak berlarutan adalah sebagai yang berikut:

- (a) Bank Negara akan mengadakan pemeriksaan yang lebih kerap dan menyeluruh ke atas syarikat-syarikat insurans bagi mengesan kelemahan-kelemahan dan seterusnya mengadakan perbincangan-perbincangan dengan mereka bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka.
- (b) Bank Negara juga dengan kerjasama Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan serta Peraturan Insurans Am Malaysia (PIAM) telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk meneliti masalah-masalah dan penyelewengan-penyelewengan dalam bidang perniagaan insurans motor serta mencari jalan untuk mengatasinya.
- (c) Pihak Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dengan Persatuan Insurans Nyawa Malaysia juga telah mengadakan beberapa perjanjian di kalangan ahli-ahli mereka bagi mewujudkan suasana pasaran yang lebih teratur dan sihat.
- (d) Meningkatkan taraf profesionalisma di kalangan kakitangan dalam industri insurans

melalui kursus dan latihan anjuran Institut Insurans Malaysia (IIM); dan

- (e) Mewajibkan kesemua agen insurans nyawa dan insurans am mendaftarkan nama mereka dengan persatuan insurans yang berkaitan bagi mewujudkan suatu sistem pengawasan ke atas agen-agen tersebut.

Setakat 31hb Disember, 1987 sebanyak 6 buah syarikat insurans didapati menghadapi masalah kewangan. Nama-nama syarikat itu tidak wajar disebutkan di sini kerana mereka masih berkeupayaan untuk meneruskan perniagaan mereka. Bank Negara sedang memberi pengawasan rapi ke atas mereka dan mereka juga telah diminta menambahkan modal dibayar ke paras yang lebih munasabah.

Buat masa ini tidak ada undang-undang atau peraturan yang menghadkan jumlah penempatan insurans semula (reinsurance) di luar negeri. Sungguhpun begitu, usaha-usaha untuk menggalakkan lagi penempatan insurans semula di Malaysia sedang dan akan terus dijalankan oleh syarikat Malaysia National Reinsurance Berhad yang ditubuhkan pada 30hb Disember, 1972. Pada masa ini lebih kurang 23 ataupun 24% daripada premium kasar diinsuranskan semula di luar negeri (reinsured) di luar negeri. Selain dari itu pihak Kerajaan dengan kerjasama persatuan-persatuan industri insurans akan mengambil langkah-langkah yang tertentu dari masa ke semasa bagi meningkatkan lagi penempatan insurans semula di pasaran tempatan.

Dr Eng Seng Chai: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu kepada kita, adakah Kerajaan setakat hari ini menyiasat beberapa syarikat insurans yang dilaporkan mengalami

kerugian besar yang diakibatkan oleh pinjaman-pinjaman besar kepada segelintir pengusaha-pengusaha terkenal di negara ini? Jika ada satu siasatan ke atas laporan ini, apakah hasilnya dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap syarikat-syarikat yang terbabit dan terhadap orang-orang terkenal yang terbabit?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jawab awal-awal tadi, saya katakan bahawa Bank Negara telah pun menyasiat semua syarikat-syarikat insurans yang mempunyai masalah termasuk syarikat insurans yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, terutamanya syarikat-syarikat insurans yang telah pun mengeluarkan guarantee insurans kepada syarikat-syarikat yang telah pun dimaksudkan. Jadi pada peringkat ini. Dasar Kerajaan ialah mengarahkan semua syarikat-syarikat insurans tidak boleh lagi mengeluarkan financial guarantee kepada syarikat-syarikat yang berkenaan. Oleh kerana itu tindakan sewajarnya akan terus diambil oleh Bank Negara jika timbul lagi masalah-masalah sedemikian.

Puan Ling Chooi Sieng: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat belum menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat dari Petaling Jaya. Di sini saya hendak ulangi pertanyaan itu. Saya dengar bahawa Bank Negara telah menjalankan dan menyelesaikan siasatannya ke atas penyelewengan syarikat-syarikat insurans. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, adakah Pengarah-pengarah Syarikat Insurans atau Pengurus-pengurus Syarikat-syarikat insurans yang menyeleweng didakwa di Mahkamah. Kalau ada berapakah jumlahnya, dan kalau tidak, mengapa.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, walaupun mengikut Ahli Yang

Berhormat menyatakan bahawa Bank Negara telah selesai siasatannya, tetapi seperti yang saya jawab tadi, Bank Negara Malaysia masih sedang menjalankan siasatan ke atas beberapa Syarikat dan setakat ini belum lagi ada pengarah-pengarah syarikat yang berkenaan dibawa kepada pengetahuan polis untuk diambil sebarang tindakan.

BAYARAN PENCEN

9. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah wang negara yang digunakan untuk membayar pencen tiap-tiap tahun semenjak 1981 hingga tahun 1988 ini;
- (b) berapakah anggaran perbelanjaan untuk bayaran pencen dalam masa 10 tahun yang akan datang dan berapa peratuskah jumlah ini dan jumlah wang dalam 5 (a) berbanding dengan pendapatan bersih negara;
- (c) adakah Kerajaan sedar bahawa sistem menyerahkan pencen suami kepada isteri setelah suami meninggal dunia memberi beban yang berat kepada balu-balu muda yang berhasrat untuk berkahwin lagi. Adakah Kerajaan juga sedar bahawa oleh kerana sayangkan pencen, ada balu yang sanggup melakukan maksiat; dan
- (d) adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula sistem ini seperti menyerahkan pencen itu kepada anak si mati sekiranya balunya berkahwin lagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang negara yang digunakan untuk membayar pencen tiap-tiap tahun semenjak tahun 1981 hingga

tahun 1988 adalah sebanyak \$5,991.0 juta seperti pecahan berikut:

Tahun	Jumlah Perbelanjaan (\$ Juta)
1981	573.0
1982	587.0
1983	629.0
1984	681.0
1985	775.0
1986	833.0
1987	943.0
1988	970.0
	\$5,991.0

Anggaran perbelanjaan untuk bayaran pencen dalam masa 10 tahun yang akan datang ialah lebih kurang \$15,273.5 juta atau, dengan lain perkataan, \$15 bilion lebih. Peratusan perbelanjaan untuk pembayaran pencen bagi tahun 1981 hingga tahun 1988 ialah 1.08% daripada pendapatan negara. Peratusan ini dijangka tidak akan menunjukkan perubahan yang besar dalam jangka masa 10 tahun yang akan datang.

(c) Pencen terbitan adalah dibayar kepada balu-balu apabila suami mereka meninggal dunia dengan tujuan untuk memastikan bahawa saraan hidup mereka dan anak-anak mereka adalah terjamin. Pembayaran ini dibuat bukan untuk membebaskan mereka tetapi adalah untuk meringankan bebanan mereka. Pembayaran ini akan diberhentikan sekiranya mereka berkahwin semula kerana tanggungan untuk membiayai saraan hidup mereka akan dijamin oleh suami mereka yang baru. Sama ada mereka akan melakukan maksiat atau tidak adalah bergantung kepada iman mereka dan bukan bergantung kepada sama ada pencen dibayar ataupun tidak.

(d) Mengenai perkara yang akhir, dasar berkenaan dengan pembahagian pencen terbitan yang ada sekarang ini ialah tiap-tiap balu akan mendapat 2 bahagian manakala tiap-tiap anak simati akan mendapat 1 bahagian daripada jumlah pencen simati. Sekiranya balu berkenaan berkahwin semula, syer balu itu akan dipindahkan kepada anak-anak simati. Dengan hal yang demikian cadangan supaya pencen terbitan balu dipindahkan kepada anak-anak simati apabila balu itu berkahwin semula adalah tidak berbangkit.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi telah menyatakan bahawa soal maksiat dilakukan bergantung kepada iman dan bukan bergantung kepada pencen tidak dapat setelah berkahwin semula. Saya rasa, walaupun ini saya setuju, tetapi tidakkah pihak Kementerian mengkaji semula melihat sebenarnya kerana kalau siisteri itu muda, berumur 20 atau 19 tahun selepas ditinggalkan oleh suami yang meninggal, jadi kemungkinan juga "masih panas" mungkinlah (*Ketawa*)—minta maaf, jadi tidak tahulah macam mana. Kalau sisuami yang hendak dikahwininya itu mampu, mungkin alhamdulillah, tetapi kalau tidak mampu, mungkin mencari helah sana-sini.

Yang keduanya ialah soal perbelanjaan untuk pencen dalam 10 tahun yang akan datang iaitu \$15,000 juta adalah angka yang besar. Jadi Yang Berhormat tadi telah menyatakan bahawa peratus tidak akan berbeza tetapi dapatkah Yang Berhormat juga memberi unjuran pendapatan negara di masa itu kalau sekiranya peratus tidak berubah?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan soalan yang pertama itu, kita kena tanya balu muda—Yang Berhormat cukup minat kerana selalu sebut—sama ada dia hendakkan pencen atau hendakkan hendak kepada suami. Saya fikir kalau dia hendakkan suami, dia tidak akan fikirkan tentang masalah pencen yang dia dapat. Jadi soalan ini tidak boleh dijawab kerana ia bergantung kepada keadaan, dia hendak suaminya atau dia hendak pencen, saya fikir dia hendak suami. (*Ketawa*).

Mengenai dengan unjuran yang diperlukan, sudah tentu dia bergantung kepada keadaan. Kalau kita tidak berpecah-belah, kita akan dapat pendapatan yang baik, jangan pecah-belah.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini payah sedikit, mungkin hendak kena pakai papan hitam. Walau bagaimanapun, Dalam Undang-undang Pencen, apabila suami meninggal, isteri mendapat pencen dan kalau dia kahwin semula pencennya luput, kalau dia kahwin lain pencennya habis—okay. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh tanya, tidak boleh jawab sendiri! (*Ketawa*)

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tetapi kalau isteri meninggal, suami pula mendapat pencen dan suami tadi enjoy dapat pencen dan apabila dia kahwin lain pencennya tidak luput. Jadi, dalam masalah ini apakah langkah-langkah Menteri berkenaan untuk menyesuaikan hidup dari segi moral dan legal justice? (*Ketawa*)

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih

kepada Ahli Yang Berhormat yang saya hormat dan saya tahu dia sudah pun mempunyai jawapan sebenarnya, tetapi bagi menerangkan perkara ini, saya ingin menyatakan bahawa masalah ini perlu kepada satu penelitian dan penelitian sedang dibuat oleh Kerajaan mengenai dengan cara-cara untuk memperbaiki skim pencen ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 27 adalah diberi di bawah ini).

HUTANG NEGARA—BAYARAN BALIK

10. Tuan Abdol Mulok Awang Damit minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pembayaran balik yang telah dibuat ke atas hutang negara pada tahun 1987 dan 1988:

- (a) dalam negeri; dan
- (b) luar negeri

dan berapakah jumlah hutang negara yang baru diperolehi dalam tahun tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan yang telah dibayar balik pada tahun 1987 adalah \$4,547 juta, iaitu \$1,023 juta bagi pinjaman dalam negeri dan \$3,524 juta bagi pinjaman luar negeri. Bagi tahun 1988 pula, iaitu sehingga 30hb September, 1988, jumlah hutang yang dibayar balik ialah \$6,296 juta, iaitu \$1,191 juta bagi pinjaman dalam negeri dan \$5,105 juta bagi pinjaman luar negeri.

Jumlah hutang baru Kerajaan Persekutuan yang diperolehi dalam tahun 1987 adalah sebanyak \$11,386 juta, terdiri daripada \$10,300 hutang dalam negeri dan \$1,086 juta hutang luar negeri. Bagi tahun 1988, iaitu sehingga 30hb September, 1988, jumlah hutang baru Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak \$7,743 juta terdiri daripada \$6,570 juta hutang dalam negeri dan \$1,173 juta hutang luar negeri.

PUSAT VIDEO BAGI MURID-MURID SEKOLAH

11. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan sebab-sebab mengapa murid-murid sekolah yang tidak memakai pakaian seragam sekolah dibenarkan masuk ke Pusat-pusat Video walaupun umur masih muda dan berapakah jumlah lesen-lesennya yang telah dibatalkan mulai 1-1-88 hingga 31-8-88 serta nyatakan sebab-sebabnya.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamad bin Rahmat): Pusat-pusat Video yang memperolehi lesen Pengedaran Filem (Pita Video) melalui FINAS di antara lain menjalankan aktiviti-aktiviti menyewa dan meminjam pita video kepada orang ramai. Orang ramai bebas mengunjungi Pusat-pusat Video itu untuk meminjam video bagi mengisi masa lapang mereka. Ini boleh menjauhkan mereka dari aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Kita tidak ada peraturan mencegah sesiapa dari meminjam pita video dari mana-mana syarikat Pengedaran yang diluluskan oleh FINAS. Ini termasuk murid-murid sekolah.

Tugas Kementerian ini ialah menjaga supaya pengedaran pita video berjalan menurut peraturan yang sah.

Sehingga akhir bulan Ogos 1988 jumlah Pusat Video di mana lesen dibatalkan adalah seperti berikut:

<i>Bulan</i>	<i>Jumlah Pusat Video</i>
Januari 1988 ..	31
Februari 1988 ..	16
Mac 1988	31
April 1988 ..	19
Mei 1988	31
Jun 1988	42
Julai 1988 ..	14
Ogos 1988 ..	5
Jumlah:	189

Pembatalan lesen-lesen adalah oleh kerana pusat-pusat tersebut berhenti berfungsi atas sebab-sebab berikut:

- (a) Kurang perniagaan disebabkan oleh kemelesetan ekonomi.
- (b) Kurang untung kerana pembayaran royalti hak cipta yang tinggi.
- (c) Kurang perniagaan oleh kerana peningkatan mutu persembahan siaran rangkaian televisyen kerajaan dan swasta.
- (d) Menutup perniagaan untuk memulakan perniagaan yang sama di premis yang lebih strategik.

Sehingga hari ini tidak ada pusat pita video yang digantung lesennya kerana melanggar peraturan-peraturan atau undang-undang FINAS.

JAWATANKUASA KAJIAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA

12. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah

Jawatankuasa Kajian Sekolah-sekolah Agama di seluruh negara ini telah membuat kajian. Apakah data-data utama yang diambil kira dalam kajian itu. Dan apakah hasil itu yang dapat dirumuskan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad):

- (i) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Kajian Sekolah-sekolah Agama telah membuat kajian berkaitan dengan kedudukan, masalah pentadbiran dan dasar-dasar yang berhubung dengan pendidikan agama di Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Negeri dan Rakyat. Data-data utama yang diambil kira dalam kajian itu ialah mengenai bilangan sekolah, kelas, guru dan murid. Kajian ini dipusatkan kepada 3 bentuk Sekolah Agama yang wujud dalam negara iaitu:

- (a) Sekolah Agama Kementerian Pendidikan.
- (b) Sekolah Agama Kerajaan Negeri.
- (c) Sekolah Agama Rakyat.

- (ii) hasil dari kajian itu merumuskan bahawa bentuk pentadbiran Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Negeri berbeza di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain. Bentuk Sekolah-Sekolah Agama Rakyat pula berbeza antara sebuah sekolah dengan sekolah yang lain. Dari segi kewangan pula, Kewangan Sekolah Agama Kerajaan Negeri dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan Kementerian Pendidikan. Manakala Kewangan Sekolah-Sekolah Agama Rakyat bergantung kepada Kerajaan

Negeri, Kementerian Pendidikan, Baitulmal dan derma-derma daripada orang ramai.

- (iii) secara am adalah didapati Sekolah Agama Kerajaan Negeri dan Sekolah-Sekolah Agama Rakyat menghadapi masalah kekurangan kemudahan fizikal.

PENANAM SAYUR DI TAWAU— PENGUNAAN BAJA BERACUN

13. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah positif yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk memberhentikan para penanam sayur di Sabah, terutamanya di Tawau, dari menggunakan baja beracun berlebihan yang akan membahayakan kesihatan para pengguna dan sama ada ujian akan dijalankan oleh para pegawai Kementerian untuk memastikan kejadian tersebut tidak berlaku.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Adalah dimaklumkan bahawa kedudukan penggunaan racun makhluk perosak di Sabah sedang dikesan dan diperhatian terus-menerus oleh pegawai-pegawai Jabatan Pertanian Negeri dan Unit Racun Makhluk Perosak Jabatan Pertanian Persekutuan. Kursus-kursus jangka pendek dan dialog sering diadakan untuk para petani berhubung dengan penggunaan racun perosak seluruh Negeri Sabah. Ini untuk memastikan yang para petani memahami dan mengetahui cara yang betul penggunaan racun makhluk perosak. Semasa kajian ke atas semple-semple dibuat di Semenanjung pada tahun lepas, semple-semple daripada Negeri Sabah juga telah diambil untuk dianalisa dan didapati kadar racun makhluk perosak adalah di dalam keadaan yang dibenarkan.

Sebuah makmal sedang didirikan oleh Jabatan Pertanian Negeri

dengan bantuan Jabatan Pertanian Persekutuan untuk menjalankan analisa akan datang dan juga mempercepatkan proses analisa sisa-baki racun makhluk perosak. Makmal tersebut kini dalam pengubahsuaian dan akan beroperasi awal tahun 1989. Sementara itu, semple-semple sayur-sayuran akan terus dihantar ke Kuala Lumpur untuk dianalisa.

KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI POLIS

14. Dato' Zainol Abidin bin Johari minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kedudukan Koperasi Pegawai-pegawai Polis dari segi:

- (a) Keahlian;
- (b) Lembaga Pengarah;
- (c) Mesyuarat Agong;
- (d) Untung/rugi; dan
- (e) Rancangan masa depan koperasi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):

(a) *Keahlian*

Keahlian Koperasi ini adalah terbuka kepada anggota-anggota Polis Diraja Malaysia dan Kakitangan Awam Jabatan Polis yang terdiri daripada warganegara Malaysia yang telah mencapai umur tidak kurang dari 18 tahun, bermastautin dalam kawasan operasi Koperasi ini, tidak tercacat-cela di sisi undang-undang atau gila atau bankrap dan tidak disabitkan atasnya kesalahan yang kena didaftarkan di bawah "The Registration of Criminal and Undesirable Persons Act, 1969". Semua anggota (ahli) yang bersara dari jawatan dan akan bermastautin di kawasan perjalanan Koperasi boleh terus menjadi ahli.

Jumlah keahlian Koperasi ini sehingga 1988 ialah seramai 42,237 orang.

(b) *Lembaga Pengarah*

Lembaga Pengarah Koperasi ini terdiri daripada 13 orang. Di antaranya ialah:

- (i) Sembilan (9) orang yang dipilih oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan melalui undi sulit; dan
- (ii) Empat (4) orang yang dilantik oleh Yang Dipertua Koperasi.

(c) *Mesyuarat Agung*

Mesyuarat Agung diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun dengan selangan tidak melebihi 18 bulan. Mesyuarat Agung Tahunan Ke-53 akan diadakan pada 31hb Disember, 1988.

(d) *Untung/Rugi*

	1983	1984	1985
Keuntungan (sebelum cukai)	\$7,800,000	\$9,800,000	\$19,900,000
Dividen atas yuran	5%	10%	6%
Bonus atas yuran	—	3%	4%
Dividen atas saham	—	—	10%
Terbitan Bonus Saham	—	—	1.1

Akaun bagi tahun berakhir 1986 dan 1987 akan dibentangkan kedua-duanya dalam Mesyuarat Agung Tahunan Tahun Ke-53 yang dijadualkan akan diadakan pada 31hb Disember, 1988.

(e) *Rancangan Masa Depan Koperasi*

- (i) Menambah keahlian;
- (ii) Memperbaiki taraf sosio-ekonomi ahli

dengan menggalakkan sikap jimat cermat melalui simpanan di Koperasi;

- (iii) Memberi beberapa kemudahan perkhidmatan kepada ahli melalui pinjaman atau pendahuluan daripada kewangan Koperasi untuk kebajikan ahli;
- (iv) Mengusahakan projek perumahan untuk ahli dengan tujuan supaya ahli menjadi pemilik rumah sendiri; dan
- (v) Mengusahakan projek-projek dan pelaburan yang akan memberi keuntungan kepada Koperasi dan seterusnya memberi faedah kepada ahli melalui bayaran dividen dan bonus.

KETUA UNIT PEMULIHAN DI KEM TAHANAN KAMUNTING

15. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Ketua Unit Pemulihan di Kem Tahanan Kamunting, Taiping adalah Haji Ali bin Abdullah dan nyatakan kelayakan dan gajinya. Adakah beliau dalam perjawatan tetap dan pencen dan sama ada Menteri sedar bahawa cara-cara pemulihan yang dijalankan tidak berkesan disebabkan sikap dan cara-cara pemulihan adalah melanggar hak-hak kemanusiaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai berkenaan adalah seorang Pegawai Pemulihan Tingkatan Biasa yang berkhidmat secara kontrak dan dibayar gaji sebanyak \$2,165.00 sebulan. Beliau memulakan khidmatnya sejak tahun

1977 dan merupakan salah seorang Pegawai Pemulihan yang terawal dan paling lama bertugas di Unit Pemulihan di Kem Tahanan Kamunting. Beliau bukannya menjadi Ketua Unit Pemulihan. Sepanjang yang diketahui Pegawai berkenaan mempunyai pengalaman yang luas dan memiliki kemahiran yang cukup untuk menjalankan tugas-tugasnya sebagai Pegawai Pemulihan dengan baik dan berkesan tanpa membelakangkan hak-hak orang-orang tahanan sebagai manusia.

BANK PERDAGANGAN— PINJAMAN

16. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan sedar akibat skandal BMF dan koperasi deposit wang, pihak bank perdagangan telah mengetat pemberian kemudahan, dan mereka yang tertindas teruk ialah peniaga bumiputera di peringkat pertengahan dan kecil. Apakah tindakan Kerajaan dalam hal ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya tidak mempunyai sebarang bukti yang menunjukkan bahawa bank-bank perdagangan telah mengetatkan syarat-syarat pemberian pinjaman selepas berlakunya skandal BMF dan krisis koperasi sehingga menindas peminjam-peminjam, terutamanya peniaga-peniaga bumiputera. Sebaliknya statistik yang ada menunjukkan bahawa jumlah pinjaman yang diberikan kepada kaum bumiputera telah meningkat daripada \$11,327 juta pada tahun 1984 kepada \$15,489.2 juta pada tahun 1987, iaitu pertambahan sebanyak 36%. Bilangan akaun pinjaman telah meningkat dari 166,516 dalam tahun 1984 kepada 233,085 dalam tahun 1987.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE MAURITIUS

17. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Luar Negeri menyatakan dalam lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke Mauritius selama empat hari, dua perjanjian telah ditandatangani dan lawatan itu telah dikira berjaya. Dalam lawatan itu juga pihak Malaysia bersetuju untuk melabur sebanyak \$30 juta, dalam South East Asian Bank \$20 juta dan dalam South Pacific Textile Factory sebanyak \$10 juta. Dalam South East Asian Bank itu adakah Kerajaan Malaysia terlibat secara langsung, jika ada berapa peratuskah sahamnya dan sehingga hari ini berapa ramaikah pelabur-pelabur Malaysia menyahut seruan Sir Jugnauth untuk melabur di Mauritius sebagai menyambut semangat Selatan-Selatan.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Saya telah pun memberitahu Dewan yang mulia ini mengenai hasil lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke Mauritius semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Semporna pada 10hb Oktober yang lalu. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa Kerajaan Malaysia tidak terlibat dalam pelaburan modal di Mauritius. Pelaburan ini hanya dibuat oleh pihak swasta. Mengenai bilangan pelabur-pelabur Malaysia yang menyahut seruan Sir Anerood Jugnauth, saya tidak dapat menentukan bilangannya pada masa ini oleh kerana seruan itu adalah terbuka kepada ke semua pelabur-pelabur dan pemaju-pemaju di Malaysia yang berminat dan bukannya kepada pihak yang tertentu.

KAMBING BIRI-BIRI— GALAKAN MENTERNAK

18. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Pertanian menyatakan:

(a) adakah kempen yang dilancarkan oleh Kementerian

Pertanian baru-baru ini untuk menggalakkan petani-petani menternak kambing biri-biri baka luar negeri merupakan tindakan yang tidak selari dengan kempen bahan-bahan tempatan yang diamalkan selama ini seperti; Kempen Kelapa Muda, Kempen Makan Ulam, Kempen Makan Jagung, Kempen Buah-buahan Tempatan dan lain-lain; dan

(b) adakah Menteri Pertanian sedar bahawa penternak-penternak tempatan tidak suka menternak kambing biri-biri jantan baka luar negeri kerana perangainya yang kasar, bengis dan tidak pedulikan peraturan-peraturan, tidak patuh pada gembala dan sangat sudah dikawal. Kalau dulu kambing-kambing baka luar biasanya dikawal oleh anjing-anjing gembala tetapi sekarang ini anjing-anjing gembala yang diberi makan biskut-biskut dalam kotak, sudah tidak berani mengawal kambing lagi.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

(a) Kempen yang dilancarkan oleh Kementerian Pertanian menerusi Jabatan Perkhidmatan Haiwan adalah selari dengan kempen penggunaan bahan-bahan tempatan. Populasi bebiri tempatan adalah terhad iaitu 97,852 ekor sahaja dan biasanya saiz badannya kecil. Jabatan sedang mengambil langkah meningkatkan kuantiti dan kualiti bebiri tersebut dengan membawa masuk bebiri daripada luar negeri untuk program kacukan. Ternakan asas program pengacukan masih lagi bebiri tempatan, MALIN.

(b) Dakwaan bahawa bebiri luar yang diimport adalah bengis dan sudah dikawal adalah tidak

benar, mengikut pengalaman Jabatan Perkhidmatan Haiwan, bebiri itu adalah lebih jinak, lebih tenteram dan lebih ramah berbanding dengan bebiri tempatan. Di bawah sistem penternakan setempat, anjing gembala tidak diperlukan untuk mengawal bebiri tersebut. Malahan anjing-anjing liar tempatanlah yang membawa akibat buruk kepada ternakan ini, mencedera dan membaham anak-anak bebiri.

Kebanyakan penternak menunggu-nunggu dan menyambut baik program ini, kecuali di satu atau dua projek yang terkecuali seperti di kawasan YB sendiri kerana mereka tidak sanggup lagi bekerja keras dalam tempoh penyesuaian. Setiap kejayaan akan menunggu selepas kesabaran dan usaha gigih.

KENYATAAN BURUK AKHBAR FILIPINA TERHADAP MALAYSIA

19. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha untuk menjaga maruah atau nama baik negara Malaysia ekoran perbuatan golongan tertentu Filipina terutama sekali Parti Pembangkang yang diketuai oleh Mr Juan Ponce Enrile yang merujuk orang-orang Malaysia sebagai **MONYET, BERUK YANG KEJAM** (Monkeys, Apes and Barbarity) yang disiarkan menerusi akhbar *The New Straits Times* muka 6 tanggal 31-8-1988 kerana membantah tindakan Kerajaan Malaysia yang telah menahan 49 orang nelayan Filipina yang telah didapati menjalankan kegiatan menangkap ikan dalam kawasan Exclusive Economic Zone (E.E.Z.) Malaysia.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Lapuran buruk mengenai orang Malaysia yang disiarkan dalam akhbar-akhbar Filipina telah dilakukan oleh seorang penulis dan bukan perbuatan Parti Pembangkang seperti dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri telah mengambil langkah untuk menyatakan rasa kesal Malaysia terhadap kenyataan-kenyataan tersebut kepada Duta Besar Filipina, dan melalui Kedutaan kita di Manila kepada Jabatan Luar Negeri Filipina bahawa tindakan sedemikian akan merosakkan hubungan di antara kedua negara. Kita berpendapat bahawa sebarang masalah yang dihadapi oleh kedua negara haruslah diselesaikan melalui saluran diplomatik dan bukannya melalui media massa. Oleh demikian Kementerian Luar Negeri merasa tidak perlu kita mengerohkan lagi suasana hubungan di antara kedua negara dengan kenyataan-kenyataan balas menerusi media massa. Pokoknya Malaysia mahu menunjukkan kepada khalayak ramai pengendalian hubungan antarabangsa kita dibuat dengan berhati-hati.

HICOM—PROJEK INDUSTRI BERAT

20. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan bilangan projek industri berat yang masih berada di bawah kelolaan HICOM. Apakah di antara projek-projek industri berat yang utama ini. Adakah Kerajaan bercadang untuk menswastakan sesetengah daripada projek ini tidak lama lagi. Jika ya, projek-projek yang manakah yang akan ditawarkan bagi penswastakan, dan projek yang manakah yang tidak akan diswastakan. Bagi yang akan diswastakan, bilakah agaknya masa yang sesuai untuk berbuat demikian, dan mengapakah sesuatu projek itu

diberi keutamaan dan masa tersebut dipilih. Bagi yang tidak akan diswastakan pada masa akan datang, mengapa. Berapa bilangan projekkah yang diambilalih daripada kelolaan HICOM setakat ini supaya projek berkenaan dapat dipulihkan. Apakah projek-projek ini. Berapa jumlah kerugian yang ditanggung oleh HICOM dalam setiap projek tersebut. Berapa banyakkah lagi projek-projek kelolaan HICOM yang perlu diambilalih bagi memulihkan mereka. Apakah projek-projek ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Setakat ini terdapat enam syarikat subsidiari dan enam syarikat bersekutu HICOM. Di antara industri-industri berat yang utama ialah industri kereta yang dikendalikan oleh Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON), industri besi keluli oleh Perwaja Trengganu Sdn. Bhd. (PTSB) dan industri simen oleh Kedah Cement Sdn. Bhd. (KCSB).

Kerajaan masih belum bercadang untuk menswastakan projek-projek tersebut dan bagi makluman Yang Berhormat tidak ada projek HICOM yang diserahkan kepada pihak lain dengan tujuan memulihkannya.

Sehingga 31hb Mac 1987, untung/ (rugi) terkumpul syarikat di bawah HICOM adalah seperti berikut:

<i>Projek-projek</i>	<i>Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul pada 31-3-87 (\$'000)</i>
SYARIKAT INDUK	
The Heavy Industries Coporation of Malaysia (HICOM)	46,709
ANAK SYARIKAT	
Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd.	(86,387)
Perwaja Trengganu Sdn. Bhd	(262,979)
HICOM Diecastings Sdn. Bhd.	—
Taman Perusahaan Berat	1,616
Heavy Industries Valley Sdn. Bhd.	2,309
HICOM Properties Sdn. Bhd.	365
HICOM Indungan Sdn. Bhd.	2,027

<i>Projek-projek</i>	<i>Keuntungan (Kerugian) Terkumpul pada 31-3-87 (\$'000)</i>
SYARIKAT BERSEKUTU	
Edaran Otomobil Nasional Sdn. Bhd.	24,468
Kedah Cement Sdn. Bhd.	(144,380)
HICOM-HICOM Mfg (M) Sdn. Bhd.	(2,225)
HICOM-YAHAMA Mfg (M) Sdn. Bhd.	(2,092)
HICOM-SUZUKI Mfg (M) Sdn. Bhd.	(145)
Petro-pipe Industries (M) Sdn. Bhd.	(2,872)
Jumlah	(206,381)

Nota:

* Anak Syarikat HICOM Properties Sdn. Bhd.

Projek-projek ini merupakan projek industri berat dan dengan yang demikian memerlukan tempoh pembangunan (gestation) yang agak lama sebelum ianya dapat menunjukkan keuntungan yang diharapkan.

GETAH ASLI MALAYSIA— NEGARA YANG IMPORT

21. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan negara-negara manakah yang telah banyak mengimport getah dari Malaysia semenjak harga getah telah naik dari awal tahun 1988 hingga sekarang ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Semenjak harga getah meningkat mulai awal 1988 hingga sekarang, negara-negara yang selama ini mengimport bahan tersebut dari Malaysia. Bagi tempoh bulan Januari hingga Julai 1988, negara-negara yang banyak mengimport getah asli Malaysia mengikut keutamaan adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Jumlah (Tan Metrik)</i>
1. Singapura	124,096
2. Korea Selatan	100,536

<i>Negara</i>	<i>Jumlah (Tan Metrik)</i>
3. Amerika Syarikat	75,216
4. Republik Rakyat China	63,809
5. Jepun	56,806
6. Jerman Barat	51,087
7. Itali	47,149
8. United Kingdom	42,405
9. Brazil	38,250
10. Taiwan	37,279

(Soalan No. 22. Sila lihat jawapan No. 9 pada 11-10-88)

ISTHMUS OF KRA CANAL

23. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan Thailand berunding dengan Kerajaan Malaysia berkenaan dengan cadangan mengorek dan membina "The Isthmus of Kra Canal"; jika ada, apakah hasil rundingan bersama ini. Apakah kesan-kesan "The Isthmus of Kra Canal" akan membawa kepada ekonomi, pelancongan, perkapalan dan pertahanan negara kita.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kerajaan Thailand tidak pernah mengemukakan kepada Malaysia apa-apa cadangan bagi membina "Isthmus of Kra Canal". Oleh demikian, soal rundingan tidak timbul.

SAHAM MAS—JUALAN KEPADA BANK NEGARA

24. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tingkat harga sebenar saham MAS yang dibayar oleh Bank Negara bagi "tranche" pertama milikan ekuiti sebanyak 42% daripada Kerajaan. Dengan itu, apakah jumlah bayaran

yang dibuat oleh Bank Negara. Jika mengikut nilai semasa harga saham MAS dalam tahun 1988, maka apakah seharusnya tingkat harga purata saham tersebut. Apakah nilai semasa milikan ekuiti 42% itu sekiranya dijual mengikut tingkat harga ini. Adakah "Golden Share" yang dimiliki oleh Kerajaan itu mempunyai nilai wang selain daripada memberi hak mengundi sebanyak 51% kepada Kerajaan di Lembaga MAS. Jika ada, apakah nilainya sama ada nilai "nominal" atau sebenarnya mengikut tingkat harga semasa. Sama ada mempunyai nilai atau tidak, bagaimanakah saham khas ini ditunjukkan dalam akaun MAS. Dengan pembelian saham ini, apakah jumlah tambahan wang dalam simpanan (cash reserves) yang dipegang oleh MAS. Apakah pula jumlah yang diguna semata-mata bagi membayar; wang pokok; kadar bunga.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua saham MAS yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan akan dijual kepada Bank Negara Malaysia pada harga \$5.85 seunit. Ini adalah berasaskan kepada harga pasaran, semasa keputusan penjualan dibuat iaitu pada bulan September, 1987. Pada harga ini, jumlah bayaran yang akan diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan dari Bank Negara Malaysia ialah sebanyak \$860 juta.

Secara bandingan, harga purata saham MAS dari bulan Januari hingga September 1988 ialah \$5.52 seunit. Jika harga jualan diasaskan kepada harga ini, jumlah bayaran yang perlu dibuat oleh Bank Negara Malaysia ialah \$811 juta sahaja. Tetapi perkara ini tidak berbangkit oleh kerana harga jualan saham MAS diasaskan kepada harga yang dipersetujui pada bulan September 1987.

"Golden Share" yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan dalam MAS

ialah pada nilai nominal \$1.00 dan ini ditunjukkan di dalam penyata kewangan MAS.

Penjualan saham MAS di antara Kerajaan Persekutuan dengan Bank Negara Malaysia tidak memberi apa-apa kesan ke atas rezab tunai MAS kerana ini adalah satu urusaniaga yang dilakukan oleh pemegang sahamnya sendiri iaitu satu entiti lain dari MAS. Saya tidak faham mengapa Yang Berhormat membangkitkan perkara ini. Ini antara pembeli dan penjual, tidak ada kena mengena dengan syarikat.

LINTASAN KERETAPI DI PEKAN KAJANG

25. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar lintasan keretapi di Pekan Kajang sebanyak 36 kali dalam masa 24 jam, gate ditutup serentak bagi kedua-kedua jalan menghala ke Bangi dan Lebuhraya Seremban—Kuala Lumpur menimbulkan kesusahan dan juga kesesakan lalu lintas di Pekan Kajang; dan
- (b) apakah Kerajaan bercadang untuk membina jambatan keretapi bagi kedua-dua jalan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, saya ingin mengesahkan bahawa lintasanrata di tiang telegraf No. 258/15 dan di tiang 258/6 Kajang dilalui oleh 28 buah tren berjadual iaitu 10 tren penumpang dan 18 tren barang. Sebagai tambahan kepada tren-tren berjadual ini, beberapa tren tidak berjadual ini, beberapa tren tidak berjadual seperti tren-tren balas, trolitoli, tren-tren khas dan juga lansiran akibat perselisihan tren akan

membawa jumlah kekerapan get dibuka/tutup berjumlah melebihi 36 kali dalam masa 24 jam. Pihak Kementerian memang sedar tentang kesibukan dan kesesakan kedua-dua jalan raya apabila get lintasanrata ditutup untuk laluan tren-tren.

Kementerian Pengangkutan sedang mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkenaan untuk menentukan sama ada lintasanrata-lintasanrata tersebut boleh digantikan dengan jambat.

SPORTS TOTO—LESEN PERNIAGAAN

26. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah lesen perniagaan Sports Toto yang telah dikeluarkan kepada bumiputera sehingga ini dan negeri manakah yang banyak sekali terdapat bumiputera menjalankan perniagaan ini secara langsung atau berkongsi dengan orang-orang lain yang bukan bumiputera.

Tuan Mohamad Farid bin Ariffin: Sehingga ini jumlah lesen-lesen ejen perniagaan Sports Toto yang telah dikeluarkan kepada bumiputera adalah sebanyak 19 lesen dan negeri yang banyak sekali terdapat bumiputera menjadi ejen Sports Toto secara langsung atau berkongsi ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu 10 ejen.

LESEN OFF—COURSE BETTING

27. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kewangan menjelaskan apakah kelulusan permit "off-course betting" selaras dengan dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan butir-butir lengkap mengenai syarikat yang menjalankan urusaniaga ini serta pemegang-pemegang sahamnya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Sebelum lesen "off-course betting" ini dikeluarkan oleh Kerajaan, aktiviti pertaruhan "off-course betting" memang sudah ada. Orang-orang bukan Islam membuat pertaruhan di pusat-pusat "off-course betting". Dalam pada itu "bookie" haram berleluasa. Menurut pihak Polis aktiviti "bookie" haram ini dianggarkan berjumlah \$5,000 juta setahun.

Dalam keadaan demikian maka Kerajaan telah mengeluarkan lesen "off-course betting" bagi mengurangkan kegiatan "bookie" haram di samping memperolehi hasil melalui cukai perjudian. Walau bagaimanapun, orang-orang Islam tidak dibenarkan untuk membuat pertaruhan "off-course betting". Oleh itu, pemberian lesen ini tidak bercanggah dengan dasar Penerapan Nilai-nilai Islam.

Syarikat yang telah diberikan permit menjalankan aktiviti "off-course betting" itu ialah Ascot Sport Sdn. Bhd. Mengenai butir-butir lengkap berhubung dengan syarikat itu, Syarikat Ascot Sdn. Bhd. adalah syarikat milik persendirian dalam mana Kerajaan tidak memiliki apa-apa kepentingan. Oleh itu adalah tidak wajar bagi saya memberikan butir-butir lengkap mengenai syarikat. Ahli Yang Berhormat bolehlah mendapatkan maklumat lengkap mengenai syarikat tersebut daripada Pendaftar Syarikat.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perkhidmatan

bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada hari Jumaat, 21hb Oktober, 1988.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1987) (No. 2) 1988

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1988

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) (No. 2) 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$319,862,900 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$319,862,900 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 Tahun 1988 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran

(Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut." (17hb Oktober, 1988)

3.38 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung perbincangan ini semula mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) (No. 2) 1988 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1988 daripada peringkat yang telah saya berhenti kelmarin semasa mesyuarat Dewan yang mulia ini ditangguhkan.

Tuan Yang di-Pertua, salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai peruntukan tambahan yang diperlukan untuk badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang diperlukan. Ingin saya menyatakan di sini bahawa peruntukan tambahan yang diperlukan untuk badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa ialah sebanyak \$1,161,500 iaitu mengikut pecahan seperti berikut:

(i) Suruhanjaya Selatan-Selatan	\$1,000,000
(ii) Tabung Perbadanan Islam (sebenarnya peruntukan yang diperlukan untuk tabung Perbadanan Islam ialah sebanyak \$253,680 tetapi untuk Maksud ini peruntukan tambahan yang diperlukan ialah sebanyak \$150,700 sahaja).	\$ 150,700
(iii) Sumbangan kepada ASEAN	\$ 10,800
JUMLAH:	\$1,161,500

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang seterusnya telahpun mengatakan

bahawa projek lebuhraya yang menghubungkan bukit-bukit peranginan adalah projek yang tidak memberi manfaat kepada rakyat.

Sukalah dinyatakan di sini bahawa tujuan utama projek ini dilaksanakan ialah untuk mengatasi masalah kelembapan ekonomi melalui peningkatan industri pembinaan di negara ini. Secara langsung ini akan dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dan dengan demikian mengurangkan kadar pengangguran—insya Allah di negara kita. Selain daripada itu projek ini juga akan dapat menarik lebih ramai pelancong-pelancong khasnya daripada luar negeri selaras dengan dasar Kerajaan untuk menjadikan sektor pelancongan salah satu daripada sektor utama dalam pembangunan ekonomi negara.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong):
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap! Yang Berhormat dari Kepong hendak apa?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat mengatakan berapa orangkah boleh diupah untuk projek tersebut dan dalam tempoh berapa tahunkah dapat disediakan untuk pelancongan?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada satu projek yang akan dijalankan. Ini adalah satu projek yang akan dijalankan pada masa hadapan dan sebanyak mana pekerja yang akan digunakan atau sejauh mana projek ini akan mengambil masa, akan ditentukan oleh keadaan-keadaan yang tertentu. Oleh kerana itu saya minta jika sekiranya Yang Berhormat mahu maklumat yang lanjut bolehlah kita sediakan, jika sekiranya Yang Berhormat memberi notis bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasar Mas): Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada yang minta jalan Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Izinkan saya teruskan sedikit sahaja lagi sebelum memberi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, Salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah pinjaman US\$350 juta oleh Kerajaan baru-baru ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, hanya dua buah bank tempatan sahaja yang telah membuat tawaran terhadap pinjaman tersebut iaitu Malayan Banking dan Bank Bumiputra yang menjadi lead manager dalam pinjaman tersebut. Kerajaan tidak dapat sebarang tawaran dan pinjaman daripada bank yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat tersebut, iaitu Hock Hwa Bank yang pada pendapat kami tidaklah begitu besar untuk menampung pinjaman yang sedemikian.

Pada keseluruhannya 53 bank telahpun mengambil bahagian dalam pinjaman pasaran sebanyak US\$350 juta. Bank-bank tempatan yang telah mengambil bahagian dalam pinjaman ini ialah Bank Bumiputra, Malayan Banking dan UMBC. Silakan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri

ada menyatakan bahawa jalan-jalan lebuhraya ini dibuat ialah untuk meningkatkan industri pembinaan.

Saya bersetuju tetapi bagaimana kalau saya mencadangkan, untuk tujuan industri pembinaan kita perbanyakkan jalan-jalan di kampung-kampung di luar-luar bandar yang lebih diperlukan daripada jalan yang dicadangkan antara Bukit Fraser, Cameron Highlands atau Genting Highlands. Walaupun jalan dikatakan bertujuan untuk pelancongan, saya kira pengindahan jalan-jalan kecil ataupun jalan-jalan di luar bandar selain daripada membantu industri pembinaan di mana kontraktor-kontraktor kecil banyak yang boleh mengambil bahagian, dan juga untuk membawa pelancong-pelancong ke luar bandar, sebab jalan-jalan besar untuk ke pusat-pusat seperti ke Genting Highlands, saya kira pihak pelancong sudah jemu melihat di Eropah, sebab di Eropah pun sudah banyak pusat-pusat Casino ini, yang mereka hendak lihat ialah alam semula jadi (the nature) di negara kita ini yang mungkin tidak ada di negara-negara barat. Jadi asas dari segi tujuan untuk industri pembinaan dan untuk pelancongan, saya kira patut diutamakan di luar-luar bandar.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya Yang Berhormat meneliti akan permintaan tambahan yang dibuat pada ketika ini ataupun dalam Dewan yang mulia ini, kita tidak langsung mengenyepikan kepentingan jalan-jalan di kampung, oleh kerana itu adalah elok kalau sekiranya kita menjalankan juga projek-projek yang ada kaitannya dengan pelancongan, mungkin termasuk seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, tetapi kita tidak sekali-kali meninggalkan dan mengenyepikan kepentingan jalan-jalan kampung. Jika sekiranya di lihat daripada permintaan

itu kita memberi kepentingan yang sepatutnya kepada jalan-jalan kampung di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya berharap apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu mungkin menjadi kenyataan jika sekiranya pelancong-pelancong boleh dibawa ke kampung-kampung dan melihat keadaan yang mungkin mereka mahu lihat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jerai, Simunjan dan Pasir Mas telah juga membangkitkan masalah berhubung dengan kemudahan-kemudahan rakyat seperti jalanraya kampung beberapa kali telah dibangkitkan, bekalan air dan elektrik. Sememangnya Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang berat kepada keperluan kemudahan prasarana atau infrastruktur asas kepada penduduk-penduduk khususnya penduduk-penduduk kampung ataupun penduduk-penduduk luar bandar. Itulah sebabnya peruntukan tambahan telah dicadangkan bagi melaksanakan program-program bekalan air di luar bandar, jalan-jalan di luar bandar dan juga jalan-jalan kampung dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan) 1988 ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan adalah juga bercadang untuk meningkatkan lagi peruntukan bagi tahun 1989, dan tahun 1990 di bawah Rancangan Malaysia Kelima dengan peningkatan peruntukan ini, maka lebih banyak projek-projek luar bandar akan dilaksanakan termasuk projek-projek yang meliputi negeri Sabah dan Sarawak.

Mengenai kerosakan jalan-jalan kampung ia sebenarnya bukanlah kerana kontraktor-kontraktor tidak mengikuti spesifikasi yang telah pun ditetapkan, tetapi adalah kerana faktor-faktor bencana ataupun faktor-faktor bencana alam seperti hujan

yang sering berlaku di negara ini dan juga kerana jalan-jalan tersebut digunakan oleh kenderaan-kenderaan berat. Oleh itu kita berharap bahawa penduduk-penduduk kampung akan mengambil tanggungjawab untuk memastikan supaya kenderaan-kenderaan berat tidak dibenarkan menggunakan jalan-jalan kampung tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat juga iaitu daripada Padang Terap, Kepong dan Bukit Bintang telah pun membangkitkan beberapa perkara mengenai perwakilan Malaysia di luar negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah pun mempersoalkan tentang kenapa pegawai daripada Kedutaan Malaysia di Vienna telah tidak ikut serta di dalam membantu delegasi Parlimen Malaysia di Sofia pada bulan September yang lalu. Dalam hal ini sukalah saya memaklumkan bahawa sebenarnya tidak ada permintaan supaya seorang pegawai Kedutaan Malaysia daripada Vienna menganggotai delegasi tersebut. Pihak Kementerian Luar Negeri telah hanya diminta untuk membantu para delegasi semasa membuat lawatan ke Paris dan Rome selepas Mesyuarat I.P.U. tersebut dan tugas-tugas itu telah pun dijalankan oleh Pegawai Kedutaan Malaysia di Rome dan di Paris.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar
(Padang Terap): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat, ada Yang Berhormat yang bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya fikir salah tanggapan daripada ucapan saya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Sebenarnya dalam ucapan saya sebagai yang ditulis dalam Hansard mengatakan bukan pegawai-pegawai Kedutaan di Vienna diminta hadir ke Sofia, yang saya kata semalam ialah pegawai-pegawai Kedutaan di Vienna tidak memberi "response" yang cukup kepada Jawatankuasa Human Rights ataupun Hak Asasi Manusia apabila Jawatankuasa itu meminta keterangan keterangan daripada pihak Kerajaan untuk menjawab tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada Kerajaan kita mengenai dengan ISA dan juga penahanan tokoh-tokoh pembangkang. Saya tidak pernah menyebut bahawa pegawai-pegawai di Vienna tidak datang ke Sofia.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Ahli Yang Berhormat tidak begitu sabar saya meneruskan ucapan saya, dalam ucapan saya seterusnya ada sedikit sangkut paut dengan ucapan Yang Berhormat. Tadi saya telah pun menggulung ucapan daripada Yang Berhormat daripada Padang Terap, Kepong dan Bukit Bintang sekali gus.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Luar Negeri sedang menyiasat mengapa Kedutaan Malaysia di Vienna telah lewat atau tidak memberi jawapan kepada surat pertanyaan IPU mengenai hak-hak asasi dan tuduhan-tuduhan yang telah dibangkitkan. Mengenai konsep bersepadu bagi perwakilan Malaysia di luar negara pula, ia memanglah sudah menjadi ketetapan Kerajaan. Walau bagaimanapun oleh kerana konsep ini baru diperkenalkan maka ia mengambil masa sebelum dapat ditunjukkan keberkesannya.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah meminta supaya Kementerian Luar Negeri mengambil sikap yang lebih agresif di dalam kegiatan-kegiatan ekonomi kita di luar negeri. Sukalah saya menyatakan di

sini bahawa Kementerian Luar Negeri telah pun mengambil langkah-langkah tersebut dan peruntukan yang lebih juga telah pun diberikan kepada perwakilan Malaysia di luar negeri.

Mengenai usaha-usaha Kerajaan untuk mendapat satu kerusi di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, Kerajaan tidak ada membuat satu-satu peruntukan khas. Kementerian Luar Negeri menggunakan tenaga expertise, dengan izin, serta segala jentera Kementerian itu yang sedia ada. Di samping itu Kementerian Luar Negeri juga telah diberi sedikit peruntukan tambahan untuk perwakilan Malaysia di New York untuk membuat lobi serta perhubungan yang sepatutnya, misalannya dengan mengadakan pertemuan kerajaan bagi diplomat negara asing dalam usaha mendapatkan sokongan bagi Malaysia mendapatkan kerusi di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu itu. Perdana Menteri sendiri telah pun mengetuai satu delegasi Malaysia ke Mesyuarat Bangsa-bangsa Bersatu di sesi tahun ini untuk menunjukkan kesungguhan Malaysia untuk mendapat kerusi tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kepong dan Bukit Mertajam telah pun membangkitkan soal gerakan SEMARAK dan menyatakan bahawa gerakan SEMARAK itu tidak perlu lagi kerana ada masalah tentang kesetiaan rakyat. Sukalah dinyatakan di sini bahawa gerakan SEMARAK telah dan masih diadakan bagi meningkatkan tahap kesetiaan dan perhubungan yang ada di antara rakyat dengan Raja, pemimpin dengan negara. Di dalam Dewan ini telah beberapa kali penjelasan diberi dan oleh yang demikian tuduhan bahawa gerakan ini dibuat untuk mendewa-dewakan pemimpin yang tertentu adalah tidak benar sama sekali.

Mengenai dakwaan bahawa RTM itulah memberhentikan Laporan Parlimen mulai 10hb Oktober yang lalu, sukalah dinyatakan bahawa sebenarnya Laporan Parlimen sekarang ini dicantumkan sekali dengan Berita Perdana TV yang disiarkan secara serentak melalui saluran 1 dan 2. Untuk tujuan ini tempoh Berita telah pun ditambah daripada 30 minit ke 35 minit tiap-tiap hari. Disebabkan Berita Perdana mempunyai bilangan peminat yang ramai ataupun ia menjadi prime time, dengan izin, maka lebih ramai lagi rakyat mengikuti persidangan Parlimen dengan cara ini. Adalah difikirkan bahawa waktu 10.30 malam untuk menyiarkan Laporan Parlimen kurang sesuai kerana bilangan peminat yang mengikuti laporan tersebut pada waktu tersebut adalah kecil. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit. berhubung dengan siaran Laporan Parlimen tadi, saya juga ada menyuarakan semalam. Yang Berhormat ada mengatakan berita dipanjangkan lima minit dan kalau dibuat 10.30 malam kemungkinan tidak ada orang yang hendak mendengar. Tidakkah ada cara yang lain supaya masa itu ditukarkan kepada 9.30 kah, 8.30 kah supaya Laporan Parlimen tetap diadakan sebagai biasa.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, ini mungkin boleh dijawab dengan lebih jelas oleh Kementerian Penerangan sendiri tetapi pada masa ini saya rasa jawapan yang telah saya beri itu iaitu untuk mendapatkan perhatian daripada rakyat tentang apakah yang berlaku di Dewan eloklah kita mengadakan satu masa yang menarik perhatian sebahagian besar daripada rakyat seluruh Malaysia. Jadi didapati masa yang sesuai ataupun prime time ialah

masa Berita Perdana. Oleh kerana itulah maka Kementerian Penerangan telah pun membuat sedikit tambahan kepada masa Berita tersebut daripada 30 minit kepada 35 minit.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya dipilih masa yang lebih sesuai yang mungkin lebih awal daripada masa Berita Perdana atau lepas Berita, terpulanglah kepada Kementerian tersebut membuat dasar-dasar yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan lagi mengenai dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Pasir Mas yang menyatakan antara lain bahawa pelaburan daripada luar negeri makin menurun.

Ingin saya tegaskan di sini sejelas-jelasnya untuk pengetahuan Yang Berhormat ataupun pengetahuan Dewan yang mulia ini bahawa kenyataan Yang Berhormat daripada Pasir Mas itu agak melulu sedikit tanpa sebarang bukti yang tertentu untuk menguatkan hujah Yang Berhormat tersebut. Mungkin motif Yang Berhormat tersebut hanya difahami oleh Yang Berhormat sendiri tetapi di sini izinkan saya turunkan jumlah pelaburan luar negeri mengikut projek-projek yang telah diluluskan daripada tahun 1985.

Pada tahun 1985 sebanyak \$324.8 juta telah pun dilabur, pada tahun 1986 telah meningkat kepada \$524.99 juta, tahun 1987 meningkat kepada \$750 juta dan 1988 sehingga bulan Ogos ini sudah meningkat sampai \$1,310 juta.

Ini dengan jelas menunjukkan bahawa kenyataan Yang Berhormat itu adalah salah dan sebaliknya menunjukkan bahawa jumlah pelaburan daripada luar negeri daripada tahun 1985 ke 1988 meningkat setahun demi setahun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
Penjelasan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya membangkitkan persoalan dari segi perbandingan, yang saya bangkitkan di zaman Allahyarham Tun Razak dan zaman Tun Hussein Onn, Dasar Ekonomi Baru kita tidak ubah dari segi equity participation. Kita tidak mengubah banyak perkara dari segi bentuk undang-undang tetapi di waktu itu saya mengatakan banyak pelabur-pelabur datang. Mereka tidak unguit perkara-perkara lain tetapi sekarang walaupun Dasar Ekonomi Baru telah dipinda ekuiti 30% dan sebagainya itu tidak perlu lagi diikuti sebagai insentif, nampak sukar untuk kita membawa pelabur. Sebab saya membuat perbandingan ini kalau kita lihat negeri Thailand sendiri, sekarang ini saya dimaklumkan negeri Thailand sudah tidak dapat lagi menerima pelabur-pelabur daripada luar, boleh dikatakan melebihi kepada mereka, apa yang mereka jangkakan. Itu sahaja dari segi perbandingan dan saya tidak mempunyai apa-apa motif selain daripada hendak menarik perhatian dari segi konteks kedudukan Dasar Ekonomi Baru kerana Dasar Ekonomi Baru itulah dasar keramat kita yang asas oleh pemimpin-pemimpin dahulu bagi merapatkan jurang di antara orang-orang yang berada dan tidak berada terutamanya dari segi kaum-kaum yang ada di negara kita.

Jadi, itu yang saya kemukakan sebagai satu ingatan ataupun sebagai satu persoalan untuk direnung bersama tanpa mempunyai apa-apa motif selain daripada melihat realiti yang sedang berlaku dalam negara kita sekarang ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Terima kasih. Mungkin maklumat

Yang Berhormat itu diambil daripada unsur-unsur tertentu tetapi mengikut maklumat yang kita ada pada ketika ini tidak sukar kita mendapat pelaburan daripada luar negeri. Malahan daripada maklumat yang telah saya beri tadi terlalu banyak permintaan-permintaan dari luar negeri untuk melabur dalam negara kita. Sebagai perbandingan pun bolehlah saya beri maklumat terperinci tetapi oleh kerana masa untuk saya menggulung ini agak terhad, maka saya meminta supaya kalau boleh, saya bincang dengan Yang Berhormat untuk mendapat maklumat yang lanjut dan memberi butir-butir lanjut mengenai dengan perbandingan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Lebuhraya Timur-Barat, ada Yang Berhormat mengatakan bahawa kos penyelenggaraan Jalanraya Timur-Barat itu telah melambung. Ini adalah disebabkan oleh kerja-kerja pembaikan cerun yang sentiasa mengalami kegagalan, dan bukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan permukaan jalan. Kegagalan cerun ataupun slope, dengan izin, yang selalu berlaku di Jalan Timur-Barat adalah disebabkan oleh keadaan cuaca ataupun hujan dan kerja pembalakan dan permukaan tanah Rancangan yang menyebabkan longkang-longkang di kawasan tersebut selalu tersekat. Oleh itu, Kerajaan berpendapat bahawa dasar perancangan dan reka bentuk Lebuhraya ini tidak perlu dikaji semula.

Dari segi penggunaan juruperunding, Kerajaan memang sentiasa menggalakkan penggunaan juruperunding tempatan. Bagaimanapun, jika sekiranya kepakaran yang diperlukan tidak boleh didapati daripada juruperunding tempatan, barulah juruperunding luar negeri dilantik. Misalannya, dalam bidang aerial laser terrain profiling

ataupun ALTP dan kajian beban gandar kita menggunakan juruperunding mengikut dasar yang tersebut di atas.

Mengenai Antah-Biwater yang telah ditimbulkan juga oleh Yang Berhormat, seperti yang diperuntukkan dalam kontrak perbekalan paip-paip besi ataupun paip besi mulur ataupun ducta iron pipes, dengan izin, bagi projek ini adalah daripada dua punca, iaitu daripada negeri United Kingdom dan tempatan mengikut kadar pembahagian 50% setiap satu. Kontrak ini mempunyai satu element grant dan pinjaman negeri United Kingdom yang mewajibkan penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan dan barangan-barangan daripada negeri United Kingdom. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi jadal pelaksanaan projek ini. Faktor-faktor ini adalah masalah pengambilan tanah dan juga pihak kontraktor-kontraktor kurang memahami keadaan-keadaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertujuan untuk menggulung ataupun menyentuh tiap-tiap satu persatu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, jika sekiranya saya tidak menyentuhnya secara khusus, saya ingin menyatakan di sini bahawa tiap-tiap kenyataan ataupun bahasan Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun diambil perhatian dan telah pun dicatat dan insya Allah akan diambil tindakan yang sepatutnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan yang telah pun saya beri itu dan dengan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih dan dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan yang mulia ini meluluskan Rang Undang-undang

Perbekalan Tambahan (1987) (No. 2) dan Usul Anggaran Perbelanjaan 1988 yang dibentangkan ini dan dengan ini saya mencadangkan Rang Undang-undang ini serta juga Usul diedarkan kepada sesebuah Majlis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$319,862,900 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$319,862,900 bagi Maksud-maksud dan butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran

Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 Tahun 1988 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatan-kuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$2,831,700 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1987 bagi Maksud Bekalan B. 27, Kementerian Luar Negeri untuk Kementerian yang berkenaan dijadikan Jadual. Dan Wang sejumlah tidak lebih daripada \$318,862,900 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) dalam 1988 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.44, P.53, P.54, P.56 untuk Kementerian-kementerian yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 Tahun 1988 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telahpun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1987 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1988. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31A Tahun 1988 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1987 dan Kertas Perintah 32A Tahun 1988 bagi

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua Tahun 1988. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B.27 (Jadual)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kepala B.27 terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

4.10 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan usul Menteri Kewangan bagi peruntukan wang sejumlah \$319,862,900 daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988 sebanyak \$1.95 juta yang diperuntukkan kepada Kementerian Penerangan bagi tujuan Liputan Radio VHF/FM dan \$300,000 bagi pembiayaan alat Pemancar Televisyen dan Alat "Standby".

Tuan Pengerusi, setelah meninjau peruntukan serta perbelanjaan sebenar tahun-tahun yang lalu, kami dapati bahawa Kementerian Penerangan selalu diberi peruntukan perbelanjaan pembangunan yang melampaui jumlah wang yang ia berdaya untuk menggunakannya. Misalnya, menurut Buku Belanjawan Persekutuan 1988, muka surat 195, Anggaran harga projek bagi Liputan Radio VHF/FM adalah \$3.98 juta dan selepas dipinda \$8.68 juta. Perbelanjaan sebenarnya bagi tempoh masa 1981-1985 hanyalah mencapai \$1.98 juta. Perbelanjaan sebenar bagi tahun 1986 hanyalah \$293,092 dan bakinya dipinda ke hadapan bagi perbelanjaan tahun 1988.

Begitu juga dengan projek Pemancar Televisyen dan Alat "Standby" yang harga asalnya ialah \$1.36 juta dipinda menjadi \$1.66 juta dan perbelanjaan sebenar di antara tahun

1981-1985 hanyalah \$668,451 dan bagi tahun 1987 \$580,542. Secara keseluruhannya jumlah anggaran harga projek yang diperuntukkan kepada Kementerian ini adalah \$60.58 juta dan perbelanjaan sebenar bagi tempoh masa 1981-1985 sebanyak \$24.7 juta. Anggaran perbelanjaan bagi tempoh masa 1986-1990 pula dikurangkan menjadi \$27.55 juta, manakala perbelanjaan sebenar bagi tahun 1986 hanyalah \$3.04 juta sahaja. Sekarang tambahan sebanyak \$2.25 juta ditambahkan lagi.

Jelas sekali, Tuan Pengerusi, banyak peruntukan yang dikeluarkan daripada Kumpulanwang Pembangunan kepada Kementerian ini yang melebihi keperluan, mungkin disebabkan kerana Kerajaan terlalu bermurah hati terhadap Kementerian ini, maka projek-projek "gajah putih" telah dirancangan. Misalnya, Menara SEMARAK yang bernilai \$1.5 juta didirikan di Angkasapuri yang dikatakan boleh meningkatkan lagi penyiaran TV dan Radio termasuk siaran langsung daripada luar negeri dan dengan adanya penyiaran atas Menara SEMARAK itu, maka diharapkan kesetiaan yang diminta itu dapat diwujudkan.

Tuan Pengerusi, di sebelah satu pihak Kerajaan mengatakan ingin membolehkan penerimaan siaran luar negeri secara langsung dengan Menara SEMARAK itu, manakala di pihak yang lain ianya pada bulan Mac lalu Menteri Penerangan mengatakan negara-negara ASEAN haruslah mengawasi aliran masuk maklumat-maklumat yang tidak sesuai dari luar negeri. Dalam semua perkara Kerajaan jugalah pihak yang menentukan yang mana adalah tidak sesuai atau yang sesuai bagi tontonan dan pengetahuan rakyat sekalian. Namun apakah gunanya kita memperbaiki pusat penerimaan rancangan-rancangan siaran langsung, jika rancangan-rancangan tersebut

terhad kepada isu sukan sahaja. Walaupun sukan itu penting bagi negara dan bagi rakyat, tetapi kehidupan ini bukan terhadap kepada sukan sahaja.

Difahamkan bahawa kos membina Menara SEMARAK itu akan diperolehi daripada dermaan wang daripada orang ramai. Ini mungkin mimpi kosong kerana rakyat sekalian tidak mempunyai sebegitu banyak wang untuk projek seperti ini dan jika ada pun lebih baik dibelanjakan ke atas projek-projek pertumbuhan ekonomi. Lagi pun, Tuan Pengerusi, sekiranya Menara itu digunakan untuk memperbaiki siaran TV dan Radio sudah tentu Kerajaan. . . .

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada Yang Berhormat Menteri bangun.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong membincangkan masalah dasar, sekarang kita membincangkan masalah butiran.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini bukan secara dasar tetapi dari segi terperinci kita membincangkan pembinaan Menara SEMARAK itu.

Tuan Pengerusi, Butiran 01200 Liputan Radio VHF/FM, tambahan peruntukan \$1,951,130 Cara Langsung, Anggaran yang dipinda untuk tahun ini \$2,658,100. Dijelaskan bahawa wang tambahan ini adalah untuk membiayai pemasangan dua rangkaian tambahan di Stesen FM Gunung Ulu Kali di Pahang Darulmakmur, Gunung Ledang di Johor Darul Takzim dan Gunung Keledang di Perak Darul Ridzuan dan juga untuk pembinaan Stesen FM baru di Johor dan Negeri Sembilan Darul Khusus.

Menurut pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan pada 24hb Ogos, 1988 yang lalu, sebanyak \$12 juta diperlukan untuk memperkembangkan siaran FM ke seluruh negara. Adakah ini merupakan fasa pertama dalam projek memperkembangkan siaran FM ke seluruh negara? Berapakah jumlah yang diperlukan secara berasingan bagi pembinaan dua rangkaian tambahan dan stesyen FM baru di setiap negeri yang disebutkan itu.

Tuan Pengerusi, keseluruhan anggaran yang dipinda adalah \$2.66 juta dan jika kesemua wang ini akan dibelanjakan bagi dua rangkaian di tiga negeri dan stesyen FM baru di empat tempat dalam tiga negeri, maka berapa banyakkah stesyen FM baru mahupun rangkaian yang dirancang pada projek \$12 juta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.20 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, saya tidak ada apa-apa hendak tambah atas penjelasan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Kepong itu.

Tuan Pengerusi, adakah kita sudah pun membincangkan tiap-tiap tajuk? Jika sudah, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap. Kita ada Butiran-butiran lain.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Itulah yang saya katakan tadi adakah kita sudah pun masuk Butiran-butiran yang berikut, B.27 dan kemudian diikuti dengan P.44 dan seterusnya. Saya harap kita mengikut peraturan yang sedemikian.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bukannya pihak daripada Kementerian Penerangan hendak memberi penjelasan?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kita ambil satu kepala demi satu kepala. Tadi Yang Berhormat sudah terkeluar sedikit.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa sejumlah wang sebanyak \$2,831,700 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,831,700 untuk Maksud B.27 perintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.44 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1988)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan di bawah Maksud P.44 terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$2,251,130 yang disebutkan dalam Maksud P.44 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Penerangan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,251,130 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1988.

Maksud P.53 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1988)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan di bawah Maksud P.53 terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$741,770 yang disebutkan dalam Maksud P.53 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$741,770 untuk Maksud P.53 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1988.

Maksud P.54 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1988)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan di bawah Maksud P.54 terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kepong.

4.24 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan tambahan peruntukan yang merupakan sebanyak \$1.07 juta didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka bagi maksud-maksud pinjaman kepada Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan untuk membiayai pembinaan Kompleks Islam Ipoh sebanyak \$7 juta dan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk menjelaskan bil-bil kontraktor, bayaran Juruperunding dan bayaran faedah ke atas pinjaman-pinjaman mengikut jadual.

Prestasi Kementerian Kerjaraya dari aspek ketahanan Lebuhraya-lebuhraya di sekitar negara amat tidak memuaskan. Di kebelakangan ini Kerajaan telah mengumumkan bahawa sejumlah \$80 juta yang diperuntukkan bagi memperbaiki Lebuhraya Timur Barat yang mempunyai caves-in atau keruntuhan tanah di 90 tempat di sepanjang jalan 105 kilometer itu.

Tuan Pengerusi, Lebuhraya ini dibuka pada bulan Julai 1982, dan kosnya ialah \$364 juta diperlukan untuk pembaikan sama ada permukaan ataupun pengukuhan tepi cerun sebanyak \$220 juta menjelang tahun 1986. Dan jumlah ini akan bertambah menjadi \$320 juta, tidak termasuk Tambahan Kedua Perbelanjaan Pembangunan sebab \$100 juta lagi diperlukan bagi memperbaiki 50 bahagian Lebuhraya ini. Jika diambil kira \$100 juta yang didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka ini, sekiranya ianya ada kaitan dengan Lebuhraya Timur Barat ini, maka jumlah perbelanjaan setakat ini akan menjadi \$420 juta.

Tuan Pengerusi, walau sekalipun peruntukan \$80 juta adalah sebahagian daripada \$100 juta yang kelak diperlukan untuk memperbaiki 50 bahagian Lebuhraya Timur Barat, kos tambahan membina dan mengekalkan kemudahan Lebuhraya tetap akan naik pada masa hadapan. Difahamkan bahawa sejumlah \$1.3 billion akan diperlukan sekiranya satu siasatan yang menyeluruh dibuat sebelum Lebuhraya yang kuat dan bertahan direka dan dibina demi menyelamatkan kos permulaan sebanyak \$1 bilion. Ini wang rakyat sejumlah \$660 juta dibelanjakan. Perbelanjaan tergendala bila lebuhraya ditutup sementara nyawa pengguna dipermainkan dan entah berapa jumlah wang lagi yang akan diperlukan pada kemudian hari untuk memperbaiki rekahan atau runtuh baru dalam Lebuhraya ini.

Tuan Pengerusi, dalam jangka panjang, rakyat mungkin juga perlu mendapati kos pembinaan dan penyelarasan lebuhraya yang bernilai \$1.3 billion atau lebih dan mendapati pula sistem infrastruktur yang kurang sesuai dengan keadaan tanah serta kegunaan kenderaan. Manalah tahu berapa jumlahkah harga pembinaan weigh-bridge serta lebih daripada 30

stesen mengukur berat (weigh-stations). Tuan Pengerusi, di sepanjang Lebuhraya ini yang akan dirancang oleh Kementerian.

Tuan Pengerusi, suka saya tekankan di sini bahawa menurut manual penyelenggaraan lebuhraya, permukaan jalan hendaklah dibuat tiap-tiap 7 tahun sekali. Kini dalam jangka masa sependek-pendeknya 2 tahun, masalah pun sudah timbul.

4.29 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong sekali lagi membangkitkan soal dasar. Beliau telah pun membahaskan soal ini atas tajuk yang serupa dan Butiran yang serupa kelmarin. Yang perlu dibincangkan sekarang ialah Maksud P.54 iaitu sebanyak \$107,000,000 di mana \$100 juta untuk Lembaga Lebuhraya Malaysia dan \$7 juta untuk pinjaman kepada Kerajaan Negeri Perak. Itu sahaja. Saya ingat dia sudahpun melampaui.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itulah saya hendak bincangkan di sini. Wang \$100 juta ini yang dikehendaki oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk menampung kekurangan peruntukan bagi menjelaskan bil-bil daripada kontraktor, bayaran Juruperunding dan bayaran faedah ke atas pinjaman-pinjaman mengikut jadual.

Seperti biasa Kerajaan gagal untuk memberi butir-butir mengenai bahagian \$100 juta ini yang dibelanjakan bagi menjelaskan bil kontraktor, bayaran Juruperunding dan bayaran faedah ke atas pinjaman-pinjaman mengikut jadual. Perkara lain adalah, selepas bayaran-bayaran ini dijelaskan, berapa banyak lagikah yang masih tertinggal dan bilakah agaknya bayaran perlu dilakukan? Untuk berapa lamakah tanggungan

kewangan ini khasnya pinjaman mengikut jadual akan berterusan? Dalam projek-projek yang manakah tanggungan kewangan ini timbul?

Tuan Pengerusi, ~dah difahamkan bahawa kerja juru-juruperunding adalah diperolehi daripada luar negeri. Saya berharap Yang Berhormat dapat mendengar dengan baik iaitu mengenai projeknya. Misalnya dari negeri Italy dan dalam projek membina lebuhraya menghubungi Cameron Highlands, Genting Highlands dan Bukit Fraser, pakar teknik dari Amerika Syarikat digajikan. Dalam kes kedua, keperluan untuk mengubah tenaga kerja asing adalah disebabkan oleh teknik baru dalam kaedah mengukur tanah dan rekabentuk iaitu, dengan izin, aerial laser terrain profile. Tetapi yang membimbangkan adalah setelah sekian lama kepakaran teknik asing diupahkan, iaitu kira-kira 6 hingga 8 tahun yang lalu, nampaknya negara kita masih belum mempunyai kepakaran tempatan. Oleh itu adalah diharapkan Yang Berhormat dapat menjelaskan sama ada di antara bayaran juruperunding yang terlibat itu juga termasuk pakar perunding tempatan atau tidak. Adakah keadaan sebenarnya dalam bidang juruperunding tempatan bagi pembinaan jalan atau lebuhraya pada masa kini?

Tuan Pengerusi, menurut bayaran Ketua Audit Negara atas akaun Kerajaan Persekutuan 1983, perancangan, pelaksanaan dan pengurusan program penyelenggaraan jalan adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan tetapi sebahagian besarnya dilaksanakan oleh pihak-pihak berkuasa negeri menerusi Jabatan Kerjaraya di daerah masing-masing. Tambahan lagi difahamkan bahawa Lebuhraya Timur/Barat dilakukan secara trial and error oleh pihak pegawai Jabatan Kerjaraya. Adakah kepakaran teknik

juruperunding tempatan setakat ini sahaja? Mungkinkah ketandusan kepakaran teknik tempatan disebabkan oleh imigrasi keluar daripada Malaysia oleh golongan intelek dan profesional dalam bidang ini, iaitu sebahagian daripada 50,000 rakyat Malaysia yang menetap di Australia atau di Kanada dan New Zealand dalam tiga tahun yang lepas.

Tuan Pengerusi, mengenai bayaran faedah di atas pinjaman pula, adakah pinjaman-pinjaman tersebut merupakan pinjaman dari luar negeri atau dari dalam negeri? Setakat ini apakah jumlah pinjaman yang telah diambil oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia daripada sumber luar negeri yang dijamin oleh Kerajaan ataupun daripada Kerajaan Persekutuan atau lain-lain sumber kewangan dalam negeri dan identiti sumber-sumber ini ataupun sumber luar negeri yang lain selain daripada bentuk sumber luar negeri yang dijamin oleh Kerajaan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Adakah Menteri yang mewakili Kementerian Kerjaraya? Kementerian Kerjaraya, tiada? Kalau tidak, terpulanglah kepada Yang Berhormat untuk menjawab.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya minta pihak daripada Kementerian Kerjaraya kerana merekalah yang tahu mengenai hal ini, orang lain tidak tahu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Walau bagaimanapun, Yang Berhormat dari Kepong, biasanya semua ini dijawab oleh Kementerian Kewangan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Pada masa ini pegawai-pegawainya sedang bergagasan mencari maklumat-maklumat yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Mengikut prosedur yang biasa, Yang Berhormat, kita.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Walau bagaimanapun, saya tiada apa-apa hendak tambah daripada apa yang saya katakan tadi dan saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat boleh berhubung secara bertulis kalau boleh.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Sekiranya Yang Berhormat dari Kepong mahu maklumat yang lanjut, kita tidak keberatan untuk memberi jawapan secara bertulis.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu tidak boleh—\$100 juta. Saya hendak tahu juga di sini kerana diminta kita meluluskan wang sebanyak itu. Mana pihak daripada Kementerian Kerjaraya?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila jawab Yang Berhormat. Biasanya prosedur begini, Yang Berhormat. Saya jelaskan sedikit. Apabila kita di dalam tahap ini semua soalan-soalan kita biasanya diberi kepada Kementerian Kewangan menjawab, kalau boleh. Kita selalu harap dia mampu untuk menjawab, tetapi kadang-kadang kalau butir-butir yang dikehendaki secara terperinci tidak boleh diberi, kita harap Menteri berkenaan ada di dalam Dewan ini. Sekarang Menteri berkenaan telah masuk (*Ketawa*), saya minta untuk pengetahuannya, ulanglah Yang Berhormat point.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Pengerusi, jikalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong hendak apa-apa penjelasan, saya boleh jawab. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Beri highlight sahaja, Yang Berhormat.

, **Dr Tan Seng Giaw:** Boleh, Tuan Pengerusi. Mengenai peruntukan \$100 juta ini dibelanjakan bagi menjelaskan bil kontraktor, bayaran juruperunding dan bayaran faedah ke atas pinjaman-pinjaman mengikut jadual, saya hendak mengetahui sama ada juru-juruperunding ini adalah diperolehi daripada luar negeri, misalnya dari Itali dan adakah pakar-pakar tempatan termasuk di Kementerian yang mampu untuk membuat rekabentuk dan rancangan ini?

Dato S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, berikutan dengan peruntukan yang saya telah minta daripada Kementerian Kewangan dalam Anggaran Tambahan ini ialah bayaran-bayaran kepada Jurutera Perunding Tempatan. Semua Jurutera Perunding yang sedia ada dan sedia bekerja untuk projek-projek Lembaga Lebuhraya Malaysia, 65% ialah semua syarikat-syarikat tempatan; 30% ialah syarikat-syarikat tempatan bergabung dengan syarikat-syarikat luar negeri dan juga bayaran-bayaran kepada juruperunding daripada Itali bukanlah bayaran untuk mereka membuat rekabentuk kepada projek Lebuhraya Utara/Selatan atau apa-apa projek. Mereka ialah juruperunding untuk memberi nasihat-nasihat kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia berkenaan dengan projek yang sedang dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. \$100 juta ini iaitu permintaan untuk membayar kepada kontraktor-kontraktor yang telah menyiapkan projek dan di dalam projek-projek itu ada juta tambahan. Kos-kos yang belum diselesaikan lagi walaupun tender-tender telah diberikan kepada mereka. Pada akhirnya apabila kita selesaikan projek, ada juga banyak kerja-kerja extra yang kita mesti selesaikan. Oleh kerana itu jugalah kita minta peruntukan tambahan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tadi mengatakan juru-juruperunding asing tidak terlibat

dalam merekabentuk, tetapi bolehkah Yang Berhormat menjawab bahawa mengenai juru-juruperunding Amerika Syarikat yang dipelawa untuk mengukur tanah dan rekabentuk melalui kaedah aerial laser terrain profile itu. Ini terlibat rekabentuk juga.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, untuk menjelaskan Ahli Yang Berhormat itu, iaitu berkenaan dengan projek the Hill Road, dengan izin, daripada Genting Highlands ke Bukit Fraser dan dari Bukit Fraser ke Cameron Highlands, satu projek yang baru-baru kita mengambil keputusan untuk menjalankan ALTP (aerial laser terrain profile survey) berharga tidak lebih daripada 10% daripada permintaan yang kita minta untuk itu. Tetapi banyak di antara permintaan peruntukan tambahan itu digunakan untuk bayaran kepada kontraktor. Sebahagian kecil sahaja kepada projek akan dijalankan oleh dua syarikat itu, iaitu Syarikat Nordec dan Syarikat Hi-Tec daripada Amerika Syarikat akan menjalankan projek ini, iaitu mereka berdua syarikat sahaja di seluruh dunia yang boleh dan mempunyai kebolehan untuk menjalankan projek "aerial laser terrain profiling". Bukan bererti ini akan menjalankan projek kepada "survey" atau rekabentuk sahaja untuk mendapat "remote sensing", berertinya daripada helikopter apabila kita gunakan semua mesin dan juga hi-tec mesin kita boleh juga mendapat ujian tanah daripada kapal terbang, bukan kita uji tanah dengan stail-stail lama yang kita bayar \$20 juta, \$25 juta, pada akhirnya kita tidak tahu apakah tanah itu, apakah rekabentuk kita akan membuat.

, Oleh kerana itu, saya telah meminta kebenaran daripada Jemaah Menteri untuk menggunakan sistem ini. Sistem itu jadi satu bahagian yang kecil dalam projek Cameron Highlands, iaitu lebih daripada \$600 juta projek pembinaan. Ini bukan berertinya kita beri satu

kerja yang besar kepada syarikat juruperunding daripada Amerika Syarikat. Semua kerja-kerja rekabentuk di Lebuh raya Utara-Selatan dijalankan oleh juruperunding beberapa buah syarikat daripada tanahair kita.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$107,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.54 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Kerjaraya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$107,000,000 untuk Maksud P.54 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1988.

Maksud P.56 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1988)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Maksud P.56 terbuka untuk dibahas.

4.42 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sejumlah \$209.87 juta telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka. Di antara projek-projek yang menerima tambahan adalah bekalan elektrik luar bandar bagi Semenanjung Malaysia, bekalan air luar bandar bagi negeri-negeri Semenanjung, pemberian kepada negeri untuk jalan luar bandar dan pembangunan masyarakat, menaikkan taraf jalan kampung. Apabila diambil kira anggaran asal 1988 termasuk tambahan atau pindaan peruntukan yang diluluskan bernilai \$187.67 juta maka keseluruhan peruntukan bagi tahun 1988 adalah \$397.54 juta. Jumlah wang

ini amatlah besar, terutama sekali jika ditinjau kenyataan bahawa fungsi pembekalan elektrik dan air ke luar bandar adalah juga ditanggung bersama-sama oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos serta projek swasta pembekalan air ke luar bandar Antah Biwater yang sendirinya bernilai \$1.4 billion dengan 147 skim. Selain daripada itu, kegiatan membina jalan dan menaikkan taraf jalan adalah juga dikongsi bersama-sama dengan Jabatan Kerjaraya Negeri dan Daerah.

Tuan Pengerusi, tambahan \$50 juta ini dikatakan bagi membiayai projek-projek bekalan elektrik luar bandar di Semenanjung Malaysia. Menurut buku Belanjawan Persekutuan 1988 anggaran harga projek ini adalah \$860.18 juta yang mana \$480.19 juta dibelanjakan di antara tahun 1981 hingga 1985 dan anggaran perbelanjaan bagi tempoh masa 1986 hingga 1990 adakah bakinya \$312.90 juta dengan perbelanjaan sebenar tahun 1986/87 sejumlah \$154.13 juta, maka sejak tahun 1981 sebanyak \$634.32 juta telah dibelanjakan atau 73% daripada anggaran asal.

Tuan Pengerusi, dengan perbelanjaan 73% daripada anggaran asal, 85% daripada kawasan-kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia dibekalkan dengan tenaga elektrik. Wang yang sebenarnya dibelanjakan di tahun-tahun sebelum 1981, iaitu sejak tahun 1956 belum diambilkira lagi. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah mengumumkan maklumat mengenai permulaan projek membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar sebagai tahun 1956 dan menurut beliau kira-kira 85% daripada kawasan luar bandar Semenanjung Malaysia sudah menerima bekalan elektrik. Ini meliputi lebih daripada 11,000 buah kampung dan 812,090 rumah. Jika hal yang sedemikian mengapakah wang sejumlah \$116.47 juta masih

diperlukan? Berapa banyak kampungkah yang masih belum menerima bekalan elektrik, berapa rumah tangga yang terlibat, di manakah letaknya kebanyakan daripada kampung-kampung ini? Berapa kampungkah yang menerima bekalan elektrik mereka di bawah skim pembekalan elektrik ke luar bandar kelolaan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di Semenanjung Malaysia? Berapa kampungkah yang akan menerima bekalan elektrik di bawah skim yang sama daripada peruntukan sebanyak \$116.47 juta ini.

Tuan Pengerusi, bagaimanakah pembahagian bekalan peruntukan dan kerja dibuat di antara Kementerian ini dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dalam skim pembekalan tenaga elektrik ke luar bandar di Semenanjung Malaysia.

Tuan Pengerusi, mengenai peruntukan tambahan \$50 juta dikatakan dikehendaki bagi membiayai projek-projek bekalan air luar bandar bagi negeri-negeri di Semenanjung, perbelanjaan sebenar yang sudahpun dibuat daripada tahun 1981 hingga 1987 adalah \$323.1 juta, iaitu kira-kira 29.5% daripada jumlah anggaran projek sebanyak \$1,093.72 juta.

Yang kami ingin tahu di sini adalah lebihkurang sama dengan pertanyaan bagi Butiran 01700, iaitu cara bagaimana pembahagian kerja membekalkan air ke kawasan-kawasan luar bandar dibuat di antara Kementerian ini dengan projek swasta Antah Biwater yang sendirinya bernilai \$1.4 billion. Projek Antah Biwater mempunyai 147 skim pembekalan air ke luar bandar dan taburan skim-skim tersebut mengikut pecahan negeri adalah seperti berikut:

Johor Darul Takzim	— 17
Kedah Darul Aman	— 13

Kelantan Darul Naim	— 14
Melaka	— 3
Negeri Sembilan Darul— Khusus	11
Pahang Darulmakmur	— 16
Pulau Pinang	— 1
Perak Darul Ridzuan	— 13
Perlis	— 1
Selangor Darul Ehsan	— 6
Terengganu Darul Iman	— 11

Tuan Pengerusi, bagaimanakah pula taburan skim pembekalan air ke kawasan luar bandar yang diliputi oleh Kementerian ini dalam setiap negeri di Semenanjung Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya ingin membincangkan kedua-dua Butiran ini sekaligus mengenai tambahan peruntukan \$109.87 juta dan anggaran dipinda 1988 \$220.16 juta. Penjelasan yang diberi bagi tambahan ini adalah disebabkan program bagi pembinaan jalan di kawasan luar bandar dan menaikkan taraf jalan kampung daripada bertaraf "laterite" kepada jalan tar.

Tuan Pengerusi, sepertimana yang dibahaskan tadi dalam peringkat dasar, penyalahgunaan sumber yang juga tidak diselenggarakan dengan sewajarnya, mahupun diuruskan dengan sempurna, loji serta peralatan Kementerian. Ini kesemuanya dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara dalam tahun 1984.

Menurut pihak Ketua Audit Negara soal selidik yang dihantar keluar pada bulan Mac, 1985 kepada seramai 77 orang Pegawai Daerah telah menunjukkan bahawa peralatan yang tidak digunakan masih disimpan dan kira-kira 50% daripada peralatan dan loji adalah rosak dan bakinya tidak sesuai bagi kegunaan menaikkan taraf jalan ataupun diguna bagi maksud

yang lain. Daripada sebanyak 106 unit mesin maintenance graders, dengan izin, Tuan Pengerusi, 48 unit adalah rosak, 13 tidak sesuai digunakan, 18 diguna bagi maksud yang lain dan hanya 27 unit diguna bagi program menaikkan taraf jalan. Bagi 104 unit vibrating rollers, dengan izin, Tuan Pengerusi pula, 44 adalah rosak, 10 tidak sesuai diguna dan 18 diguna bagi maksud yang lain dan bakinya 32 diguna untuk program yang sama.

Tuan Pengerusi, begitu juga dengan tenaga kerja kakitangan di bawah program ini di mana 33 daripada 89 orang juruteknik, 32 daripada 73 pemandu dan 29 daripada 61 orang buruh digunakan bagi maksud yang lain, wal hal mereka patut ditugaskan di bawah program menaikkan taraf jalan kampung. Tuan Pengerusi, saya hendak menekankan di sini bahawa sehingga bulan Ogos, 1985 pihak Ketua Audit Negara mendapati bahawa kadar sewaan bagi kegunaan peralatan dan kakitangan operasi oleh kontraktor tidak diketahui, mahupun nasihat menggesa Kementerian menjual serta memindah peralatan dan loji-loji yang terbiar kepada Jabatan Kerajaan lain serta meminda tenaga kerja lebih kepada program lain tidak dihiraukan. Bagaimanakah keadaan hal-hal ini pada masa sekarang? Bagaimanakah wang \$220.16 juta tersebut akan digunakan untuk mempertingkatkan lagi prestasi serta kegunaan optimum peralatan dan loji.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 1983 di mana disebut bagi Kementerian Kerjaraya, berlakunya rekod-rekod perbelanjaan yang tidak diselenggarakan dengan betul. Misalnya dikatakan pembahagian kos menyelenggara jalan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai rekod lengkap dan

wujudnya kes-kes bekalan bahan di peringkat negeri yang dibeli dengan peruntukan Persekutuan diguna dalam program negeri dan sebaliknya. Adakah perkara yang sama berlaku dalam projek pembinaan jalan di kawasan-kawasan luar bandar atau menaikkan taraf jalan kampung di antara Kementerian dengan Kerajaan Negeri, mahupun dengan Jabatan Kerjaraya. Begitu juga dengan dasar guna sama yang tidak diawasi dengan rapi bagi menentukan pihak mana yang harus menanggung perbelanjaan tersebut.

Tuan Pengerusi, bagaimanakah perkara ini diuruskan dengan pihak-pihak Jabatan Kerajaan yang lain serta Kerajaan Negeri apabila terdapat percanggahan fungsi dan dasar guna sama ini. Sekian, terima kasih.

4.55 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang dipohon di bawah Maksud P.56.

Saya berpendapat bahawa peruntukan yang disediakan ini sangatlah kena-mengena memandangkan bahawa ekonomi Malaysia semakin memulih dan eksport-eksport bertambah. Jadi, sangatlah kena-mengena memperuntukkan lebih perbelanjaan untuk kawasan-kawasan luar bandar.

Sebagai wakil rakyat luar bandar, saya dapat mengesahkan bahawa kemudahan-kemudahan di kawasan-kawasan luar bandar seperti elektrik, air dan jalan memang masih berkurangan.

Di samping mengucapkan syabas kepada Kerajaan, Tuan Pengerusi, saya hendak mengemukakan satu, dua soalan untuk penjelasan berkenaan dengan Butiran 02300 dan Butiran

02500. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan sama ada benar bahawa peruntukan yang disediakan bagi jalan luar bandar hanya boleh digunakan untuk mengetar jalan-jalan luar bandar yang baru. Dengan perkataan lain, jalan-jalan tanah merah yang sudah disiapkan di bawah Rancangan-rancangan Malaysia yang lalu tidak boleh dapat peruntukan untuk mengetar di bawah peruntukan ini. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri sama ada ini benar atau tidak kerana dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah Nibong Tebal yang lalu saya telah diberitahu bahawa peruntukan ini memang tidak boleh digunakan. Jika betul, saya haraplah Kementerian yang berkenaan akan memberi kelonggaran supaya jalan-jalan tanah merah yang lama siap yang sekarang pun sudah rosak akibat hujan lebat dan sebagainya dapat diberi keutamaan.

Satu lagi soalan, saya hendak tanya sama ada \$60 juta yang diperuntukkan ini termasuk peruntukan untuk mengetar jalan masuk ke ladang Trans-Kerian. Saya bangkitkan soalan ini kerana Yang Berhormat Menteri Kerjaraya yang melawat ladang Trans-Kerian yang sangat popular dan disambut baik oleh penduduk di situ telah mengumumkan bahawa jalan ini akan ditar, tetapi malangnya sehingga hari ini masih belum nampaklah jalan ini ditarkan. Jadi, saya haraplah pihak yang berkenaan, terutamanya Yang Berhormat Menteri Kerjaraya yang dicintai itu akan memberi perhatian yang seberat-beratnya. Terima kasih.

4.58 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh sedikit berkenaan dengan hal-hal yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, terutama berkenaan dengan tambahan

sebanyak \$50 juta adalah dikehendaki untuk membiayai projek-projek bekalan elektrik luar bandar di Semenanjung.

Sehingga tahun 1987 dianggarkan sebanyak lebih kurang 25% penduduk-penduduk luar bandar tidak dapat dibekalkan dengan kemudahan elektrik. Program ini adalah bertujuan untuk menyambung bekalan-bekalan elektrik luar bandar ke kampung-kampung daripada rangkaian talian tenaga yang sedia ada. Peruntukan asal tahun 1988 ialah sebanyak \$66.47 juta dan peruntukan ini hanya dapat membekalkan elektrik kepada 18,500 buah rumah di seluruh negara iaitu purata lebih kurang 1,400 buah rumah di tiap-tiap negeri. Peruntukan tambahan sebanyak \$50 juta dalam tahun 1988 dapat memberi bekalan elektrik kepada 14,000 buah rumah lagi di seluruh negara iaitu lebih kurang 140 buah projek di seluruh negara. Dengan tambahan 1988 ini adalah dijangka hampir 80% penduduk-penduduk di luar bandar akan dibekalkan dengan kemudahan elektrik di akhir tahun 1988.

Tambahan sebanyak \$50 juta adalah dikehendaki untuk membiayai projek-projek bekalan air pula di luar bandar bagi negeri-negeri di Semenanjung. Sehingga akhir tahun 1987 dianggarkan lebih kurang 38% lagi penduduk luar bandar tidak lagi mendapat bekalan air bersih. Program ini adalah untuk menyambung paip utama ke kampung-kampung di luar bandar daripada loji-loji JKR yang sedia ada. Peruntukan asal tahun 1988 ialah sebanyak \$13.372 juta. Jumlah peruntukan ini hanya dapat membekalkan air bersih kepada lebih kurang 13,000 buah rumah sahaja. Dengan peruntukan sebanyak \$50 juta adalah dijangkakan 50,000 buah rumah di luar bandar akan dibekalkan dengan air bersih. Adalah dijangka dengan peruntukan tambahan ini

liputan bekalan air bersih di seluruh negara tahun 1988 ini ialah lebih kurang 65%.

Tambahan sebanyak \$49,870,000 adalah dikehendaki sebagai pemberian kepada negeri-negeri untuk membiayai program pembinaan jalan-jalan di kawasan luar bandar. Program Jalan Luar Bandar (JALB) ialah satu usaha Kerajaan untuk memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk luar bandar dengan cara menghubungkan daerah-daerah dari sesebuah negeri, menghubungkan pekan-pekan kecil dalam sesebuah daerah ataupun merentasi kawasan-kawasan pembangunan wilayah dan pembangunan tanah. Bagi tahun 1988 sebanyak \$67.79 juta telah pun diperuntukan dan peruntukan ini hanya dapat menyiapkan 27 batang jalan sepanjang 135 kilometer. Anggaran lebih kurang satu batang jalan ialah lebih kurang 50 meter. Di seluruh negara anggaran ini adalah sangat rendah jika dibandingkan keseluruhan JALB di seluruh negara yang perlu dibinakan. Dengan tambahan ini sebanyak \$49.87 juta adalah diharapkan sebanyak 18 batang jalan iaitu lebih kurang 86 kilometer dapat dilaksanakan.

Tambahan sebanyak \$60 juta adalah dikehendaki sebagai bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menaikkan taraf jalan-jalan kampung daripada taraf laterite, dengan izin, kepada jalan tar. Program ini adalah untuk menaikkan taraf jalan-jalan kampung daripada jalan tanah merah kepada jalan tar. Adalah dianggarkan sepanjang 32,700 kilometer jalan kampung ini di seluruh negara perlu dinaikkan taraf. Sehingga akhir tahun 1987 hanya 7,400 kilometer sahaja jalan kampung telah dinaikkan taraf. Peruntukan asal 1988 ialah \$42.5 juta dijangkakan hanya dapat menaikkan taraf jalan kampung sepanjang 1,000 kilometer sahaja. Dengan peruntukan

tambahan sebanyak \$60 juta ini dalam tahun 1988 dijangkakan akan dapat menaikkan taraf jalan kampung sepanjang 1,500 kilometer lagi di seluruh negara. Adalah dijangkakan dengan peruntukan tambahan ini pula lebih kurang 2,500 kilometer jalan kampung akan dapat dinaikkan taraf daripada laterite kepada tar.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Nibong Tebal adakah peruntukan di bawah Butiran 02300 ini boleh digunakan untuk mengetar jalan-jalan baru sahaja ataupun menaikkan taraf jalan-jalan lama, mungkin apa yang dikatakan oleh Majlis Tindakan Daerah Nibong Tebal itu adalah betul tetapi peruntukan yang diminta ini hanyalah untuk menaikkan taraf jalan-jalan di kawasan luar bandar. Begitu juga di bawah Butiran 02500 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Nibong Tebal adakah peruntukan ini termasuk projek mengetar Jalan Trans-Kerian, kemungkinan ini boleh dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Pengerusi, untuk menjawab Ahli dari Nibong Tebal berkenaan dengan mengetar jalan iaitu Jalan ke Trans-Kerian, dalam masa lawatan saya, saya berjanji kepada penduduk-penduduk bahawa jalan itu akan ditarkan. Ini saya telah menyiasat dan ada juga dalam timbangan Jabatan Kerjaraya sekarang, tetapi ini bukan termasuk dalam rancangan yang kita kenakan tadi, ini ialah rancangan khas daripada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya. Ini akan diselesaikan tahun akan datang.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$209,870,000 yang disebutkan dalam Maksud P.56

dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1988 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$209,870,000 untuk Maksud P.56 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1988.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Fasal 1 dan 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$319,862,900 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$319,862,900 bagi maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 Tahun 1988 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan

Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1987) (No. 2) 1988 telahpun ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telahpun menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang

tambahan sebanyak \$319,862,900 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$319,862,900 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua nyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 Tahun 1988 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas nyata tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$319,862,900 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1988, untuk menampung sejumlah \$319,862,900 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua nyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 Tahun 1988 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran

(Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas nyata tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG SETEM (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Setem 1949 dan untuk meluaskan Ordinan itu, sebagaimana dipinda keseluruhan Malaysia dibacakan buat kali kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menyatukan semua undang-undang mengenai duti setem dengan melanjutkan Ordinan Setem 1949, yang kini hanya berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia, ke Sabah dan Sarawak dan pada masa yang sama, memansuhkan Ordinan Setem Sarawak, Akta Setem (Syer Yang Tidak Bernombor) 1962 dan semua seksyen dalam Ordinan Setem Sabah kecuali seksyen 83. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mengemaskini peruntukan-peruntukan di dalam Ordinan Setem 1949 dan mengadakan beberapa peruntukan baru bagi memenuhi keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Fasal 2 bertujuan untuk memotong takrif bagi istilah-istilah tertentu yang tidak lagi sesuai atau perlu, meminda takrif-takrif tertentu agar selaras dengan peristilahan konsep dalam undang-undang berkaitan, dan

memansuhkan takrif "official receipt" berikutan dengan pindaan yang dibuat.

Fasal 3 ialah mengenai perlantikan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri sebagai Pemungut Duti Setem dan peruntukan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melantik Timbalan-timbalan Pemungut Duti Setem.

Fasal-fasal 4 dan 9 bertujuan mewujudkan peruntukan-peruntukan tambahan bagi membolehkan penyamaan duti ke atas suratcara-suratcara untuk menjaminkan bayaran balik, sama ada disempurnakan mengikut sistem biasa atau mengikut hukum Syarak, yang berkaitan dengan pembiayaan perniagaan kecil atau perdagangan luar. Tanpa peruntukan-peruntukan ini, suratcara-suratcara yang disempurnakan mengikut hukum Syarak boleh tertakluk kepada duti yang lebih tinggi berbanding dengan suratcara-suratcara yang disempurnakan di bawah sistem biasa.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 ialah bertujuan untuk mewujudkan peruntukan-peruntukan baru mengenai pembayaran duti. Peruntukan mengenai penggunaan setem pos yang terhadap sekarang akan dimansuhkan. Hanya setem hasil yang sah di bawah undang-undang akan dibenarkan di mana duti perlu dibayar dengan menggunakan setem pelekat. Di Sabah dan Sarawak, bagaimanapun pilihan diberi bagi membenarkan resit rasmi yang dikeluarkan bagi bayaran duti dilekatkan pada suratcara berkenaan sebagai gantian bagi setem-setem. Ini adalah memandangkan bahawa di kawasan-kawasan terpencil di kedua-dua negeri tersebut mungkin susah untuk mendapatkan setem-setem dengan nilai yang mencukupi untuk menyempurnakan penyyetaman suratcara-suratcara.

Fasal-fasal 6 dan 11 juga mewujudkan peruntukan-peruntukan baru. Fasal 6 bertujuan memberi kuasa kepada Menteri Kewangan membenarkan pembayaran duti secara kompaun oleh broker-broker saham dan syarikat-syarikat insurans ke atas nota-nota kontrak dan polisi-polisi insurans. Ini adalah untuk mendapatkan kawalan yang lebih baik ke atas pengaliran hasil dari percukaian suratcara-suratcara berkenaan. Pada masa ini pembayaran secara demikian dibenarkan oleh Menteri Kewangan hanya kepada bank-bank ke atas cek-cek.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Fasal 11 pula bertujuan memberi pengecualian duti ke atas suratcara-suratcara mengenai pemindahan harta syarikat di antara syarikat-syarikat yang berkaitan rapat di mana pemindahan berkenaan melibatkan sedikit perubahan sahaja dalam hakmilik nominal harta yang dipindahmilik itu dan kawalan asas tidak berubah. Ini adalah untuk membolehkan syarikat-syarikat melakukan pemindahan aset dalam lingkungan struktur kumpulan tanpa melibatkan kos yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 15 bertujuan untuk memansuhkan peruntukan yang ada sekarang yang membenarkan pengenaan duti yang nominal ke atas sekuriti-sekuriti utama tertentu bagi wang. Peruntukan-peruntukan lain dalam Ordinan sekarang menghendaki duti dikenakan secara ad valorem ke atas jenis-jenis sekuriti utama yang biasa. Pemansuhan peruntukan yang dinyatakan di atas adalah untuk menyeragamkan pengenaan duti ke atas sekuriti-sekuriti utama.

Fasal 18 pula mewujudkan tanggungan ke atas broker-broker saham bagi menyempurnakan nota

kontrak bagi tiap-tiap urusniaga saham dan sekuriti-sekuriti yang boleh dipasarkan. Keengganan menyempurnakannya akan tertakluk kepada penalti seperti yang disebutkan dalam Fasal 40.

Fasal-fasal 36, 37, 38, 39, 41, 43, 44, 45, 47, 48 dan 49 menambahkan penalti bagi kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan masing-masing dalam seksyen-seksyen 60, 61, 62, 63, 65, 67, 68, 69, 71, 72 dan 74. Ini adalah memandangkan kadar-kadar penalti tidak pernah disemak semenjak Ordinan berkenaan diperkenalkan.

Fasal 50 pula bertujuan memindahkan kuasa mengkompaun kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan dari Menteri Kewangan kepada Pemungut. Ini adalah untuk melicinkan pentadbiran.

Pindaan-pindaan yang lain adalah merupakan pindaan-pindaan kecil dibuat untuk melengkapkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Setem 1949 dan untuk memperluaskan Ordinan itu sebagaimana dipinda keseluruhan Malaysia dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Simunjan.

5.18 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Rang Undang-undang ini dan berminat dengannya lantaran dua perkara.

Pertama ianya meminda Rang Undang-undang yang sudah begitu lama digunakan di negara kita ini semenjak tahun 1949 tanpa pindaan.

Yang keduanya, yang lebih menarik perhatian saya ialah bahawa Rang Undang-undang ini membolehkan kuasa diselaraskan bukan hanya untuk Semenanjung Malaysia sebagaimana dengan undang-undang asal atau Akta asal, tetapi dengan dipinda Rang Undang-undang ini, maka ianya dapat diperluaskan di Sabah dan Sarawak. Tentunya sebagai rakyat Malaysia yang berasal daripada Sarawak menaruh minat dengan pindaan ini, dan mengalu-alukan pindaan kepada Akta ini dan berharap dengan kelulusan yang diberi oleh Dewan ke atas pindaan ini, nanti perlaksanaannya akan dapat memberi kelancaran kepada sistem pemungutan setem ataupun sistem di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi satu dasar negara kita untuk menentukan supaya semua sistem ataupun cara-cara di negara ini perlu diselaras dan disatukan kerana kita ini berada dalam sebuah negara yang dipanggil negara Malaysia. Maka sedikit sebanyak sekiranya apa yang ada pada kita tidak boleh dan belum lagi disatukankan dan diselaraskan maka ianya terus menampakkan ketempangan dalam sistem kita. Jadi oleh kerana itu saya rasa masanya telah tiba untuk kita meminda Akta ini supaya dapat diperluaskan ke Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dan supaya ianya dapat dijalankan, diuruskan dengan lebih teratur, lebih selaras, lebih licin, lebih lancar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap panjang kerana saya tadi tengok dua perkara itu ianya telah lama perlu kita pinda, yang keduanya ia menarik perhatian saya kerana dengan dipinda ini ia akan dapat

diperluaskan ke Sabah dan Sarawak. Namun demikian dalam melaksanakan ini, saya rasa pihak Kerajaan perlu meneliti akan keadaan-keadaan yang telah lama diamalkan di Sabah dan Sarawak dan dengan terlaksananya pindaan ini nanti, saya harap akan dapatlah pihak Kerajaan menyesuaikan perlaksanaan ini dengan keperluan-keperluan di Sabah dan Sarawak.

Saya cukup tertarik dengan apa yang telah disebutkan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi bahawa satu Fasal dipinda untuk menentukan supaya rakyat luar bandar di Negeri Sarawak dan Sabah akan dapat menikmati kesenangan dalam menguruskan soal setem-menyetem ini. Saya amat tertarik dan mengalu-alukan perubahan ini dan moga-moga dengan perubahan ini akan dapatlah apa yang kita laksanakan dinikmati oleh penduduk-penduduk di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya sentuh ialah mengenai tugas Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri ini yang nampaknya saya rasa mungkin beban yang bertambah berat kalau sekiranya ini diberi kepada beliau. Jadi saya harap nanti kalau sekiranya dia diberi beban untuk setem-menyetem dan memungut hasil setem ini, saya harap supaya beban ini tidak menjadi satu beban yang akan menjejaskan prestasi pegawai ataupun jawatan pegawai yang memegang jawatan tersebut dan akan dapat melicinkan pengurusan pemungutan cukai setem daripada seluruh agensi di bawahnya ataupun di negeri-negeri tersebut ataupun di kawasan di bawah jagaannya.

Satu lagi yang saya hendak sentuh adalah kadang-kadang saya dapati cukai setem masih tinggi. Saya rasa kalau dapat Kerajaan kaji semula untuk orang yang berupaya bolehlah

dibayar saya rasa untuk yang tidak berupaya tetapi perlu untuk menguruskan sesuatu. Saya rasa Kerajaan perlu kaji supaya dapat diturunkan sedikit, supaya dapat menyenangkan rakyat yang tidak berkemampuan untuk urusan ini.

Jadi saya rasa itu sahajalah ucapan saya yang sedikit sebanyak menyentuhkan perkara ini dan mengalu-alukan pindaan yang dibuat oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.25 ptg.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tadi yang telah menyuarakan sokongan beliau atas pindaan Akta yang telah lama diamalkan ini.

Adalah benar bahawa Rang Undang-undang ini telah lama dilaksanakan dan sudah sampai masanya kini haruslah kita meminda untuk menyesuainya mengikut keadaan yang baru ini.

Memandangkan bahawa apabila Kerajaan membentangkan pindaan ini, Kerajaan telah memberi pertimbangan yang khas kepada Negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan sepertimana yang saya katakan tadi kecualian yang telah diberikan atas Seksyen 83 termasuk juga kecualian yang lain telah menunjukkan bahawa Kerajaan kita ini adalah munasabah dan telah mengambil perhatian atas kesusahan yang dialami oleh penduduk-penduduk atau rakyat di Negeri Sabah dan Sarawak.

Mengenai Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri yang akan diberikan tugas sebagai pemungut duti setem dan mungkin ini akan membebaskan

kerja Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, saya di sini ingin menyakinkan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa ini tidak akan menjejaskan prestasi pentadbiran Jabatan Hasil Dalam Negeri dan sekiranya ini berlaku, Kerajaan akan mengambil tindakan.

Atas pandangan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan cukai setem di mana Ahli Yang Berhormat berharap cukai setem dapat diturunkan, saya ingin memberitahu bagi pihak Kementerian Kewangan bahawa pandangan ini akan diambil perhatian. Sebenarnya Fasal-fasal 4 dan 9 telah dipinda sedikit supaya memberi duti yang lebih rendah; jikalau tidak duti yang lebih tinggi akan dikenakan atas pihak-pihak yang tertentu. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawa-tankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 57 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BIDAN (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta untuk meminda Akta Bidan 1966 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta, sebagaimana dipinda, ke Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dibaca kali yang kedua sekarang.

Akta Bidan adalah satu Akta yang bertujuan untuk mengawal pendaftaran bidan-bidan, pengamalan perbidanan dan lain-lain perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan perbidanan adalah dijalankan oleh Kerajaan, bidan swasta dan traditional birth attendence, dengan izin, atau bidan kampung. Perkhidmatan ini adalah perkhidmatan yang penting dalam perkhidmatan kesihatan di negara ini. Oleh itu, Kerajaan memandang berat terhadap perkara ini dan juga keselamatan ibu dan bayi dalam perkhidmatan-perkhidmatan perbidanan yang tersebut. Ekoran dari itu, Kementerian berpendapat bahawa pindaan-pindaan harus dibuat kepada Akta Bidan supaya peruntukan-peruntukan dapat diperkukuhkan dan peraturan-peraturan baru dapat digubalkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang terdapat 3 undang-undang yang menguasai pendaftaran bidan-bidan di Malaysia iaitu:

- (a) Akta Bidan 1966 yang digunakan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia;
- (b) Ordinan Bidan Sabah, (Chapter 78) yang digunakan di Sabah; dan

- (c) Ordinan Bidan Sarawak, (Chapter 113) yang digunakan di Sarawak.

Dengan adanya tiga undang-undang ini, terdapat beberapa perbezaan peruntukan dari segi pendaftaran dan penguatkuasaan terhadap pengamalan perbidanan di ketiga-tiga kawasan tersebut. Oleh itu, adalah didapati perlu dibuat pindaan kepada Akta Bidan 1966 agar penyeragaman peruntukan dapat dibuat. Pada masa yang sama Akta Bidan 66 akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak yang mana akibatnya nanti cumalah satu peruntukan mengenai pengamalan perbidanan sahaja digunakan bagi negeri-negeri di Malaysia. Rang Undang-undang yang disampaikan hari ini adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan yang akan dibuat kepada Akta Bidan 1966 seperti berikut:

Seksyen 1 subseksyen 1 Akta Bidan yang disediakan memperuntukkan bahawa Akta ini dipakai bagi negeri-negeri Malaysia sahaja. Kementerian ini mencadangkan agar satu pindaan dibuat kepada Akta Bidan 1966 serta meluaskannya ke Sabah dan Sarawak untuk penyeragaman, penguatkuasaan profession perbidanan di seluruh Malaysia.

Seksyen 2 yang disediakan memperuntukkan tafsiran. Dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan terdapat beberapa istilah baru yang akan digunakan. Kementerian ini merasa bahawa istilah-istilah tersebut seperti pegawai berkuasa, jururawat masyarakat, Ketua Pengarah, pengamal perubatan pendaftar, jururawat kesihatan luar bandar dan jururawat luar bandar perlu ditafsirkan dalam Rang Undang-undang ini.

Seksyen 3 Akta Bidan memperuntukkan penubuhan dan keanggotaan Lembaga Bidan. Buat masa ini, bilangan ahli adalah 15.

Kementerian berpendapat bahawa keahlian Lembaga Bidan patut dikembarkan profession perbidanan secara keseluruhannya. Maka Kementerian ini mencadangkan pindaan kepada seksyen ini agar bilangan ahli-ahli ditambah dari 15 ke 17.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 5, subseksyen 2 Akta Bidan memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengarah dikeluarkan dari daftar nama mana-mana orang di atas sebab-sebab yang tertentu. Kementerian sedar bahawa peruntukan ini yang merupakan peruntukan bagi tindakan tatatertib tidak mencukupi untuk mengawasi dan mengawal amali perbidanan dengan sempurna. Justeru itu, Kementerian Kesihatan mencadangkan agar satu Bahagian IVA yang baru diadakan bagi kuasa-kuasa tindakan tatatertib yang lebih lengkap. Peruntukan-peruntukan juga diadakan mengenai hukuman, rayuan terhadap hukuman dan restoration nama bidan yang telah dikeluarkan dari buku daftar. Ini adalah untuk menjamin agar perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak-kanak adalah dikendalikan oleh orang-orang yang berkelayakan sahaja.

Seksyen 6 Akta Bidan memperuntukkan rayuan kepada Menteri terhadap pengeluaran nama dari daftar. Kementerian Kesihatan mencadangkan satu Seksyen baru (1A) yang diperuntukkan bahawa Menteri boleh menggesa mengakas atau mengubah keputusan Lembaga yang telah dibuat di bawah Seksyen 5 Akta Bidan. Walaupun ada peruntukan rayuan tiada peruntukan untuk memasukkan semula nama dalam daftar, jika sesuatu rayuan itu telah diterima oleh Menteri. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan mencadangkan satu subseksyen 3 yang baru bagi memperuntukkan nama yang telah dikeluarkan dari daftar dimasukkan semula.

Seksyen 9 Akta ini memperuntukkan perlantikan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia sebagai pendaftar Lembaga. Kementerian Kesihatan mencadangkan satu pindaan dibuat untuk memperuntukkan bagi perlantikan Ketua Penyelia Jururawat Kementerian Kesihatan sebagai Pendaftar Lembaga Bidan supaya hal-hal yang berkaitan dengan peruntukan-peruntukan di bawah Akta dan peraturannya boleh diuruskan oleh beliau.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 10 Akta Bidan adalah berkaitan dengan daftar. Pada masa ini terdapat dua bahagian dalam daftar Bidan iaitu Bahagian I untuk Pendaftaran Bidan Jururawat, Bahagian II untuk Pendaftaran Bidan. Adalah didapati perlu untuk mendaftarkan jururawat luar bandar dan traditional birth attendant, dengan izin, atau bidan kampung, maka Kementerian ini mencadangkan satu pindaan untuk menambah bahagian di dalam daftar daripada dua bahagian yang disediakan kepada empat bahagian untuk mendaftarkan jururawat luar bandar dalam daftar Bahagian III dan bidan kampung dalam daftar Bahagian IV. Pindaan ini akan menentukan pendaftaran kepada semua kategori bidan yang mengamalkan perbidanan di negara kita ini.

Seksyen 11 Akta Bidan menetapkan kelayakan untuk pendaftaran dalam Daftar Bahagian I dan Bahagian II. Dengan pertambahannya dua lagi bahagian dalam Daftar, maka adalah perlu untuk menetapkan kelayakan bagi mendaftarkan bahagian-bahagian baru tersebut dalam Daftar. Dengan demikian, Kementerian ini mencadangkan satu pindaan untuk memperuntukkan kelayakan bagi pendaftaran jururawat luar bandar, jururawat masyarakat dan jururawat kesihatan luar bandar dalam Bahagian III Daftar dan traditional birth attendant atau bidan kampung dalam

Bahagian IV Daftar. Bahagian IV Daftar akan berkuatkuasa selama 10 tahun dari tarikh pindaan ini berkuatkuasa dan keperluannya akan dikaji semula selepas tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 14 Akta Bidan memperuntukkan bahawa adalah menjadi kesalahan jika seseorang mengamalkan perbidanan tanpa pendaftaran di bawah Akta ini. Peruntukan ini akan menjejaskan traditional birth attendant atau bidan kampung mendapatkan pengalaman atau pengalaman yang diperlukan untuk melayakkan mereka mendaftar dalam Bahagian IV Daftar. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan mencadangkan satu seksyen baru 14A dimasukkan membuat peruntukan yang membolehkan orang-orang yang tidak berdaftar di bawah Akta ini iaitu bidan-bidan kampung membantu wanita-wanita semasa melahirkan anak di bawah penyeliaan bidan berdaftar untuk melayakkan dirinya didaftarkan dalam Bahagian IV Daftar Bidan.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa dan tugas bagi pihak penguasa penyeliaan tempatan yang terdapat dalam Seksyen 19 yang sedia ada adalah tidak mencukupi bagi tujuan penguatkuasaan. Oleh itu, Kementerian mencadangkan satu pindaan yang menggantikan peruntukan lama dengan satu peruntukan baru yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia membuat penyeliaan atas semua bidan berdaftar bagi menyeragamkan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini di negeri-negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menguatkuasakan Akta ini dengan lebih berkesan lagi adalah didapati perlu untuk mengadakan peruntukan-peruntukan yang memberi kuasa kepada pegawai-pegawai berkenaan

untuk menguatkuasakan peruntukan dalam Akta Bidan 1966. Oleh yang demikian, Kementerian mencadangkan memasukkan satu seksyen 19A yang baru dalam Akta ini yang memperuntukkan perlantikan pegawai-pegawai penguatkuasa dengan kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh mereka seperti kuasa untuk memasuki dan menggelidahkan dalam bangunan, kuasa penyiasatan dan menjalankan dakwaan terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini negeri-negeri Sabah dan Sarawak menyelenggarakan buku daftar bidan masing-masing di bawah Ordinan Bidan Sabah dan Ordinan Bidan Sarawak. Dengan diadakan pindaan ini, cuma satu buku daftar bidan sahaja akan diselenggarakan. Justeru itu, Kementerian ini akan mencadangkan satu seksyen 21A baru dalam Akta ini supaya mana-mana nama yang telah didaftarkan di bawah Ordinan Bidan Sabah dan Ordinan Bidan Sarawak akan dipinda dan dimasukkan ke dalam mana-mana bahagian Daftar bidan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan kepada Akta Bidan 1966 seperti yang dicadangkan di atas, Ordinan Bidan Sabah dan Ordinan Bidan Sarawak akan dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan yang telah disebutkan di atas adalah perlu dan tepat pada masanya supaya satu Rang Undang-undang Bidan yang seragam dan lengkap bagi semua hal-hal pendaftaran bidan, pengawasan, amali perbidanan, latihan bidan, peperiksaan perbidanan dan tindakan tatatertib boleh dilaksanakan dengan sempurna di seluruh Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya mohon supaya Rang Undang-undang

Akta Bidan (Pindaan dan Perluasan) 1988 diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Bidan 1966 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta, sebagaimana dipinda, ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.46 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya cuba mengambil peluang sekejap untuk menarik perhatian anggota Dewan ini dalam perbahasan mengenai Akta pindaan kepada Akta Bidan 1966.

Saya mengalu-alukan pindaan Akta Bidan 1966 bagi menggantikan dengan Akta Bidan 1988 kerana kepesatan pertumbuhan penduduk negara memerlukan bilangan bidan yang mencukupi dan perkhidmatan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira adalah wajar diubahsuai panggilan bidan itu kepada satu gelaran yang boleh membawa erti yang menggambarkan kemajuan. Panggilan bidan sekalipun satu perkataan Melayu asli tetapi masyarakat merasakan bidan itu satu perkhidmatan bidang lapuk dan menyebabkan orang-orang yang sudah mendapat pelajaran formal dari sekolah enggan melamar pekerjaan itu disebabkan ianya dirasakan satu jawatan yang rendah dan hanya layak dipegang oleh perempuan-perempuan tua dan ada sedikit sebanyak ilmu

perdukunan. Seorang anak gadis yang baru keluar sekolah merasa dirinya terlalu tua apabila dipanggil "tok bidan" dan orang kampung sendiri tidak merasa manis urusan-urusan itu ia dikendalikan oleh anak-anak gadis tetapi apabila nama bidan itu digantikan dengan jururawat kesihatan luar bandar, jururawat luar bandar, dan jururawat masyarakat seperti yang disebutkan dalam Seksyen 2, Fasal 4 dalam Rang Undang-undang Pindaan ini rasa janggal tadi dapat dihindarkan dan masyarakat dapat menerimanya kerana perkhidmatan jururawat itu telah diterima sebagai satu perkhidmatan yang penting dan mulia.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidak bererti kita mahu memperkecilkan atau merendahkan tok bidan yang begitu banyak jasanya kepada masyarakat dahulu dan sekarang tetapi perubahan sistem hidup telah mengubah segala tanggapan masyarakat kepada gelaran bidan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 5 Rang Undang-undang ini dapat saya terima sewajarnya kerana ia bertujuan mengemaskinikan perkhidmatan perbidanan itu. Adalah mustahak latihan dari semasa ke semasa diberikan kepada jururawat dan bidan terutama mereka yang berkhidmat di luar bandar kerana orang luar bandar memerlukan perkhidmatan yang setimpal baiknya dengan penduduk dalam bandar, maka perkhidmatan terpaksa ditumpukan ke luar bandar supaya ibu-ibu di luar bandar lebih mendapat layanan baik, walaupun tidak sebaik yang diperolehi di bandar. Petugas-petugas yang cekap di luar bandar demikian juga dibandar nescaya mengurangkan bilangan bayi yang mati dan bilangan ibu yang mati semasa bersalin. Pengetahuan yang terbaru sangat penting kepada mereka supaya mereka boleh menasihatkan ibu-ibu yang mengandung bagi menjaga kesihatan mereka dan keselamatan anak dalam kandungan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Seksyen 5 dalam Fasal 6 boleh diterima kerana demi keselamatan ibu yang bersalin dan bayi yang dilahirkan mustahaklah petugas-petugas terdiri dari seorang yang sempurna bukan sekadar akal malah tingkah lakunya. Tingkah laku seorang petugas sama pentingnya dengan kesempurnaan akal. Tingkah laku yang tidak sopan mungkin termasuk dalam maksud tidak sopan akal. Bagaimanapun fasal ini walaupun bertujuan untuk berjaga-jaga tetapi janganlah pula begitu mudah bagi pihak pentadbir untuk menggunakan fasal ini bagi mengenyepikan seseorang petugas atas sebab-sebab tertentu.

Manakala Fasal 8, Seksyen 9 adalah satu pindaan yang wajar, kerana setakat ini pentadbiran tidak begitu licin. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia tentunya mempunyai tugas yang terlalu banyak. Maka tentulah kekesanannya agak kurang kalau semua perkara hendak ditentukan olehnya sendiri. Adalah wajar urusan itu diserahkan kepada Ketua Penyelia Jururawat, kerana Ketua Penyelia Jururawat lebih banyak tahu masalah dan tugas perbidanan yang sememangnya dia wajar menjadi sebahagian daripada tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan sekarang pihak yang banyak berurusan dengan para Bidan ialah Ketua Penyelia Jururawat. Tetapi kerana dia bukan tugas dan tanggungjawab mereka maka masalah dan kebajikan Bidan tidak mendapat perhatian sewajarnya malah masalah cuti, masalah pertukaran dan segala tuntutan dan keperluan perbidanan lambat selesai disebabkan Ketua Penyelia Jururawat tidak bertanggungjawab untuk memerhatikan perkara itu, sedangkan Ketua Pengarah Kesihatan bukan pula mudah untuk memerhatikan perkara itu

disebabkan bentuk tugas yang ada padanya.

Boleh dikatakan rata-rata sungutan yang diterima, Ketua Penyelia Jururawat yang mempunyai kemudahan untuk berhubung dengan Ketua Pengarah tidak ambil pusing terhadap masalah Bidan. Mungkin keterlaluan untuk mengatakan Ketua Penyelia Jururawat banyak melakukan penindasan. Tetapi tidak salah kalau dikatakan bahawa para Bidan telah tertindas dalam bentuk perkhidmatan yang ada sekarang. Apabila urusan itu diserahkan kepada Ketua Penyelia Jururawat maka ia menjadi tanggungjawabnya sekiranya berlaku kelemahan dan kelembapan, terdapat kebajikan Bidan tidak terurus. Maka segala tanggungjawab itu terpaksa dipikul oleh Ketua Penyelia Jururawat. Justeru itu satu artikel yang jelas sangat diperlukan supaya para Bidan nanti tidak tertekan dalam bentuk pentadbiran yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, nyatalah tentang perkhidmatan Jururawat Luar Bandar atau Bidan, saya ingin mencadangkan supaya bilangan petugas itu ditambah memandangkan kepada pertumbuhan penduduk yang kian pesat. Adalah tidak mencukupi satu Klinik Kesihatan atau Klinik Bidan di kampung-kampung mempunyai seorang Bidan. Kalau kampung itu memerlukan satu Pusat Bidan maka Pusat Bidan itu hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua orang petugas. Ini adalah untuk mengelakkan kesulitan apabila berlaku Bidan uzur ataupun cuti.

Mungkin kadang-kadang Bidan tidak menguruskan ibu bersalin berminggu-minggu tetapi kadang-kadang berlaku Bidan uzur.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli dari Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Saya minta pembetulan sahaja.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak payahlah.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, Pusat Bidan sudah tidak ada. Sangat mengelirukan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak benarkan Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Safin: Tidak, ini untuk memperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak benarkan.

Tuan Hashim bin Safin: Tidak boleh betulkan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak boleh. Tidak boleh betul Pusat Bidan ini. (*Ketawa*)

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dia, kalau boleh betul pun (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, tetapi kadang-kadang berlaku Bidan uzur pada ketika perkhidmatannya diperlukan oleh seorang ibu adalah sukar baginya untuk mendapatkan Bidan ganti. Sebarang kelewatan dan kegendalaan sentiasa mendedahkan ibu-ibu yang hendak bersalin dan bayi yang bakal lahir dalam keadaan bahaya. Perkara ini saya tekankan sebagai mengelakkan berlaku kematian bayi disebabkan oleh kurang perhatian Bidan terlatih dan pada ketika yang sama kemudahan kenderaan patut juga diberi perhatian.

Kenderaan Bidan setakat ini cuma basikal. Adalah munasabah kini mereka menggunakan motosikal, kerana kenderaan ini dapat menjimatkan masa kerana kadang-kadang Bidan terpaksa pergi lebih daripada satu tempat dalam satu masa. Walaupun anggota masyarakat kadang-kadang boleh membantu

Bidan dengan menghantar atau mengambil mereka tetapi adalah tidak manis bagi Bidan bersama seorang yang bukan muhrim di sebuah kenderaan. Adalah amat sumbang, Tuan Yang di-Pertua, bagi seorang Jururawat yang belum bersuami atau tidak bersuami untuk menumpang kenderaan orang. Ini mendedahkan kepada fitnah. Demi nama baik petugas ini adalah wajar mereka menggunakan kenderaan sendiri.

Paling akhir, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tekankan dan ianya adalah cukup penting bahawa pakaian seragam petugas wanita dalam Kementerian Kesihatan hendaklah diambil berat. Saya tidak setuju dengan kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan suatu masa dahulu yang menfatwakan tentang pakaian Jururawat sekarang sudah sesuai dengan Islam. Kalau orang Islam sendiri biasanya tidak dibenarkan membuat fatwa maka bagaimana seorang Timbalan Menteri yang bukan Islam boleh berfatwa. Jadi melalui kesempatan ini, saya menggesa Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah diambil supaya pakaian seragam Jururawat tidak mendedahkan aurat. Saya dukacita kerana sekarang terdapat larangan tentang Jururawat Islam hendak mematuhi peraturan yang Allah sudah tentukan.

Kalau menutup aurat itu dikatakan sukar hendak menjalankan tugas maka mengapakah ketika menjalankan pembedahan para Doktor dan Jururawat hanya mendedahkan mata dan dahi sahaja. Dia bukan sekadar petugas wanita, petugas lelaki pun terpaksa menutup badan dan bahagian muka yang lain dari mata dan dahi. Mengapa keadaan yang demikian tidak mengganggu para Doktor menjalankan pembedahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap selepas ini bukan sekadar Bidan

berpakaian menutup aurat, petugas-petugas lain di Kementerian Kesihatan hendaklah bersama mematuhi ajaran Allah. Setakat itulah, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya sampaikan pada petang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tebrau.

5.59 ptg.

Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar (Tebrau): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang meminda Akta Bidan 1966.

Peningkatan perkhidmatan kesihatan di Malaysia didapati memang sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan terutama dalam usaha memperbaiki taraf kesihatan penduduk-penduduk desa. Jika sebelum merdeka kemudahan klinik atau hospital hanya tertumpu di kawasan bandar sahaja tetapi kini kemudahan ini telah diperluaskan ke kawasan luar bandar dan hari ini Malaysia mempunyai Pusat Kesihatan, Pusat Kesihatan Kecil, Klinik Desa, Hospital-Hospital Besar, institusi khusus untuk kusta, batuk kering dan Hospital-hospital Daerah. Tetapi dengan kemudahan begitu meluas didapati Malaysia masih merupakan negara membangun yang mempunyai ramai jumlah kematian ibu-ibu bersalin. 50% penduduk Malaysia terdiri daripada kaum wanita dan dari jumlah ini dianggarkan 24% terdiri dari wanita dalam lingkungan umur reproductive dan berkeupayaan untuk menyumbangkan tenaga kepada pembangunan negara. Kini didapati masih ramai wanita hamil tidak mengutamakan hospital, sebaliknya mereka lebih suka bersalin di rumah dengan menggunakan perkhidmatan bidan kampung yang tidak terlatih. Kadar kematian yang paling tinggi terdapat di kalangan bumiputera dan

demikian juga kadar kematian ibu-ibu yang mengandung dan kebanyakan mereka terdiri daripada penduduk-penduduk luar bandar.

Juga didapati kebanyakan kematian bayi setelah lahir berpunca dari masalah kesihatan dan pemakanan semasa ibu hamil. Di antara sebab-sebab yang menyebabkan taraf kesihatan masyarakat wanita di luar bandar masih ketinggalan ialah kerana masih enggan menggunakan kemudahan kesihatan, kepercayaan-kepercayaan tertentu yang menyebabkan masyarakat luar bandar masih kurang yakin terhadap perkhidmatan kesihatan yang disediakan. Tingkah-laku dan sopan-santun bidan-bidan terhadap wanita yang dirawatinya, kerana apabila seseorang bidan itu mungkin penat dan telah lama bekerja, tidak mengambil berat tentang perasaan dan pemikiran ibu-ibu yang sedang dirawati. Juga masih banyak kawasan luar bandar yang tidak ada infrastruktur dan kemudahan asas seperti bekalan air yang sempurna. Bagi mereka yang duduk di kawasan pedalaman memang sukar bagi mereka untuk pergi ke klinik-klinik Kerajaan semasa berlaku kecemasan kerana kemudahan pengangkutan tiada dan keadaan jalan-jalan juga tidak mengizinkan.

Saya harap Kerajaan akan mengatur strategi-strategi dan program-program bagi meningkatkan taraf kesihatan ibu dan anak supaya mereka benar-benar menggunakan perkhidmatan bidan-bidan dan klinik-klinik yang telah disediakan dengan sepenuhnya.

Saya juga ingin mencadangkan supaya Kerajaan bekerjasama dan mendapatkan bantuan daripada pertubuhan-pertubuhan wanita yang ada di negara ini untuk memberi kesedaran kepada masyarakat luar bandar terhadap kepentingan

kesihatan dalam menentukan kejayaan dan kebahagiaan dalam hidup manusia. Di negara ini didapati 202 pertubuhan wanita yang boleh mengambil peranan sebagai badan penyebar dan penerangan maklumat kesihatan ibu dan bayi.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bidan-bidan yang bertugas di luar bandar menjalankan tugas selama 24 jam tiap-tiap hari dan ini merupakan satu tugas yang berat dan tidak mendapat bantuan daripada pegawai-pegawai yang lain, bertugas secara independent, dengan izin, dicadangkan supaya jawatan bidan ini dapat ditambah bilangannya agar kerja-kerja berat ini dapat ditanggung bersama di samping mengelakkan daripada dieksploitasi oleh kakitangan perubatan yang lain.

Dalam menjalankan tugas seharian, bidan-bidan ini sentiasa menghadapi kesukaran dan work-hazard, dengan izin, yang boleh mendatangkan perkara-perkara yang tidak diingini ke atas diri mereka. Mereka sentiasa menghadapi kemungkinan bahaya baik daripada orang ramai mahupun alam sekeliling di mana mereka mungkin akan disalahlakukan oleh mereka yang mempunyai niat yang tidak baik. Oleh itu, Kerajaan mestilah mempunyai inisiatif untuk mengelakkan kejadian seperti ini daripada berlaku.

Untuk meninggikan lagi prestasi bidan-bidan yang bertugas untuk Kerajaan, saya ingin juga mencadangkan agar mereka dihantar menghadiri kursus-kursus lanjutan atau kursus-kursus ulangkaji dari masa ke semasa. Inisiatif ini hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Kesihatan kerana bidan-bidan ini bukan sahaja dapat didedahkan kepada teknik-teknik yang baru dan moden, di samping itu juga mereka dapat bertukar-tukar fikiran dan memperluaskan lagi

pengalaman masing-masing dalam perbidanan. Juga kerana bidan-bidan perlu bertugas di luar bandar, oleh itu juga dicadangkan mereka diberi latihan walaupun secara am dalam bidang rawatan perubatan yang lain.

Dari segi keselamatan juga, bidan-bidan perlu dipertanggungjawabkan untuk menjaga keselamatan ibu dan bayi semasa mereka berada di hospital-hospital atau klinik-klinik untuk mengelakkan kes-kes kecurian seperti kes kecurian bayi yang berlaku di Muar tidak lama dahulu. Juga memandangkan hampir 30% hingga 40% kes-kes kemasukan ke hospital ialah kes-kes bersalin, adalah dicadangkan supaya wad bersalin diwujudkan secara independent, dengan izin, seperti yang didapati di Hospital Besar Kuala Lumpur supaya sistem yang serupa dapat diaturkan di hospital-hospital yang lain.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

6.06 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang meminta Akta Bidan 1966 bertujuan untuk memperluaskan penguatkuasaan Akta ini untuk meliputi Sabah dan Sarawak, di samping itu memandangkan bilangan bidan tradisional yang begitu ramai, pindaan ini juga bertujuan untuk mendaftarkan mereka supaya senang diawasi kegiatan mereka. Fasal yang baru juga telah diperkenalkan dalam Rang Undang-undang ini untuk menggariskan proceeding tatatertib untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang tidak memenuhi syarat Akta.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa Fasal di dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini yang merupakan Fasal-fasal yang baik untuk mengawasi

kegiatan bidan di negara ini dan sekarang usaha untuk memperluaskan penguatkuasaan Akta ini kepada negeri Sabah dan Sarawak itu pun merupakan satu langkah yang wajar dan saya berharap kualiti dan keberkesanan penguatkuasaan ini dapat ditingkatkan lagi untuk menjaga kepentingan rakyat di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan Menteri Kesihatan, menjelang Disember, 1987 terdapat 7,057 jururawat bidan yang telah didaftarkan dan mempunyai latihan perbidanan; 6,028 bidan biasa; 737 jururawat biasa dan 2,481 bidan tradisional. Daripada angka ini didapati bilangan bidan tradisional adalah ramai dan biasanya mereka mempraktis di kawasan-kawasan luar bandar dan tidak mempunyai latihan yang tertentu, cuma daripada praktis, tradisi dan ilmu yang lain sepertimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat yang lepas. Tindakan Kementerian untuk mendaftarkan mereka adalah tepat pada masanya dan menyenangkan pihaknya untuk mengawasi kegiatan bidan-bidan ini. Sudahkah pihak Kementerian merancang bagaimana untuk mendaftarkan bidan-bidan tradisional ini memandangkan ramai di antara mereka berada di pendalaman? Kalaulah pihak Kementerian telah ada sesuatu rancangan, apakah perbelanjaan yang akan terlibat dan bilakah akan bermula rancangan tersebut? Dalam pindaan ini ia juga tidak menjelaskan apakah garis panduan untuk menentukan seseorang itu dapat didaftarkan dengan pihak Kementerian sebagai bidan?

Tuan Yang di-Pertua, masalah seperti bidan tradisional di kawasan-kawasan pendalaman adalah masalah yang besar, terutamanya di Sabah dan Sarawak kawasan yang sangat luas dan bagaimanakah pihak Kementerian

dapat mengawasi bidan-bidan ini yang merupakan bidan-bidan yang membuat jasa, memberi perkhidmatan yang banyak sejak turun-temurun lagi.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Yang Berhormat dari Kepong tadi menyentuh Sarawak luas, memang betul. Sudah pernah ke Sarawakkah? Itu sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apakah Yang Berhormat dari Simunjan hendak menanya saya ataupun membuat penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah jawablah, teruskan ucapan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengetahui bagaimana Kementerian dapat mengawasi bidan-bidan di kawasan pedalaman, yang setakat ini memberi perkhidmatan kepada penduduk yang tidak dapat perkhidmatan yang moden dan dengan kehidupan rakyat Malaysia kian meningkat, memang banyak di bandar dapat perkhidmatan bidan moden dan di pedalaman tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pengalaman saya di dalam bidang obstetrik, saya dapati keperluan untuk ibu-ibu yang mengandung mendapat "regular check-up", ada sebahagian ibu-ibu yang mengandung yang tidak dapat pemeriksaan di dalam klinik, bukan sahaja di luar bandar, di bandar pun ada banyak lagi yang tidak dapat pemeriksaan biasa yang perlu diadakan tiap-tiap bulan kalau boleh ataupun tiap-tiap dua bulan kerana pemeriksaan ini dapat menentukan sama ada ibu-ibu itu sihat ataupun anak kandungannya itu sihat. Kalau kita

dapat pemeriksaan biasa ini dijalankan di seluruh negara, kematian ibu dan kematian anak dapat dikurangkan kerana kalau ibu mengandung tidak dapat pemeriksaan yang kerap, ada banyak kerumitan, termasuk dengan izin, "eclampsia" iaitu satu penyakit ibu di mana darah menjadi tinggi dan badan itu menjadi toksid (toxic), mempunyai racun yang tertentu yang boleh menyebabkan kematian dan penyakit seperti ini dapat dielakkan kalau pemeriksaan biasa dapat dijalankan di dalam klinik-klinik yang disahkan, yang diluluskan oleh pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pengawasan bidan-bidan ini, saya pun hendak dapat tahu kerana di dalam Rang Undang-undang ini tidak disebutkan dalam bidang ini, sistem rujukan ibu-ibu mengandung. Apabila didapati ibu itu tidak sihat ataupun anak kandungannya tidak sihat, adakah sistem yang tertentu untuk merujuk ibu-ibu ini kepada klinik ataupun hospital yang tertentu dan bagaimana rujukan ini dibuat di kawasan pedalaman, sama ada di Gua Musang ataupun di kawasan-kawasan pedalaman yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Sarawak tadi, Kapit dan sebagainya. Kapit itu jauh juga dan saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab soalan seperti ini yang penting.

Satu lagi mengenai Fasal 5 Rang Undang-undang yang mencadangkan untuk memperluaskan keanggotaan Lembaga. Ini memanglah satu tindakan yang wajar supaya semua pihak yang terlibat dalam perbidanan dapat menyuarakan pendapatnya. Tetapi adakah mereka yang diberi tanggungjawab berlebihan dalam Lembaga ini dapat apa-apa pampasan dan kalau ada, siapakah yang bertanggungjawab untuk membayar kelebihan perbelanjaan ini dan komposisi Lembaga walaupun tidak

disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini saya berharap Yang Berhormat dapat menjelaskan anggota-anggota yang akan dipelawa, akan dilantik untuk menganggotai Lembaga yang penting ini kerana penguatkuasaan Rang Undang-undang ini kebanyakannya menumpukan perhatian kepada tertubuhnya Lembaga dan fungsi Lembaga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 11 memperkenalkan Bahagian IVA baru. Dalam bahagian ini ada mengandungi seksyen 13A hingga 13E dan merupakan peruntukan prosiding tatatertib. Seksyen 13A dan 13B memperuntukkan bidang kuasa kepada Lembaga untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang salah dari segi tatatertib. Seksyen 13C pula membenarkan merayu kepada Menteri untuk keputusan Lembaga dan subseksyen (3) menetapkan bahawa keputusan Menteri adalah muktamad. Dalam seksyen baru ini tidak ada penjelasan bagaimana Menteri akan mempertimbangkan kes rayuan ini. Ia juga tidak memberikan satu penjelasan bahawa selain daripada laporan Lembaga dan surat rayuan bertulis yang diserahkan, apakah cara Menteri yang digunakan olehnya untuk mendapatkan maklumat untuk membantunya bagi mencapai keputusan. Jadi, keputusan muktamad ini adalah terletak kepada subjektiviti dan kearifan Menteri sahaja. Ini satu perkara yang penting kerana saya seringkali mengatakan bahawa kuasa yang muktamad, yang mutlak ini boleh disalahgunakan dan satu jaminan hendaklah diberikan bagaimana kuasa seperti ini dapat digunakan oleh pihak Menteri Kesihatan.

Fasal 16 memperkenalkan seksyen baru 19A dalam Akta untuk membenarkan Ketua Pengarah memberi kuasa kepada pegawai awam untuk menyiasat perlakuan apa-apa

kesalahan, pertuduhan-pertuduhan amalan salah, kecuaiian atau salah laku bidan. Pegawai diberi kuasa ini juga berhak memasuki premis yang dipercayai kesalahan telah dilakukan untuk memeriksa, memindah dan menahan apa-apa benda, buku, dokumen, kelengkapan, alatan, bahan atau artikel yang disyaki dapat menolong dalam penyiasatannya. Ia juga diberi kuasa untuk mendakwa seseorang di mahkamah. Memandang bidang kuasa yang begitu luas diberikan kepada pegawai ini, apakah jaminan pihak Kementerian bahawa pegawai yang diberi kuasa itu tidak akan menyalahgunakan kuasanya seperti memasuki satu premis hanya dengan alasan munasabah dan tanpa satu waran.

Memang kami berharap penguatkuasaan seperti ini dapat dijalankan dengan betul dan dengan kuasa yang diberi dengan begitu besar, kami pun berharap pihak Kementerian dapat mengawasi kuasa ini tidak disalahgunakan.

Sungguhpun pindaan ini adalah bertujuan untuk mengemaskinikan perbidanan di Malaysia dan melibatkan Sabah dan Sarawak, akan tetapi ia tidak mencadangkan bagaimana pendaftaran bidan-bidan tradisional akan dijalankan. Ia juga gagal untuk mempertingkatkan kualiti bidan-bidan di Malaysia sesudah mereka didaftarkan. Adakah maksud pihak Kementerian selepas mendaftarkan bidan-bidan tradisional ini melatih mereka di dalam kursus-kursus yang akan ditetapkan ataupun hanya mendaftarkan mereka sahaja dan dibiarkan begitu? Mereka hendaklah diberi maklumat dan latihan yang tertentu, terutamanya di dalam bidang pencegahan atau, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, prevention yang begitu penting. Saya dipercayai prevention atau pencegahan ini lebih penting semasa bersalin.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pihak Kementerian berjaya mendaftarkan semua bidan tradisional ini maka Kementerian memerlukan satu rancangan untuk mengintegrasikan mereka dengan bidan-bidan yang berdaftar dan mendapat latihan yang disediakan oleh Kementerian. Teknik dan ubat baru haruslah juga diperkenalkan kepada mereka supaya perbidanan di luar bandar dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan taraf kehidupan rakyat Malaysia yang semakin meningkat adalah perlu untuk mempertingkatkan perbidanan sama ada di bandar atau di luar bandar dan kejayaannya tidak hanya setakat meminda Akta Bidan 1966, akan tetapi dengan kerjasama pihak Kementerian dan bidan-bidan di negara ini. Akhirnya saya berharap dengan adanya pindaan hari ini penguatkuasaan dapat dipertingkatkan dan kualiti di dalam bidang perbidanan di negara ini akan meningkat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marudu.

6.23 ptg.

Tuan Joe Ojhi Supiring (Marudu): Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Bidan (Pindaan dan Perluasan), 1988. Saya amat tertarik kepada Akta yang sedang dibentangkan untuk meminda Akta Perbidanan di dalam Dewan yang mulia ini, iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bidan, 1966 kepada Akta Bidan (Pindaan dan Perluasan), 1988.

Seksyen 1, subseksyen (1) yang diperuntukkan oleh Kementerian di Semenanjung selama ini, sekarang ini dipinda untuk memperuntukkan supaya Akta ini dapat diperluaskan di Sabah dan Sarawak.

Juga di bawah Fasal 5 keanggotaan Ahli Lembaga Perbidanan iaitu diperluaskan kepada Sabah dan Sarawak. Saya amat sukacita di atas pindaan Akta ini kerana ianya bertujuan untuk mempertingkatkan mutu dan cara pekerjaan bidan-bidan yang lebih bersistem.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun mungkin Akta baru ini akan mengambil masa bagi bidan-bidan sekarang di Sabah dan Sarawak untuk menyesuaikan tata kerja ini memandangkan keadaan yang tidak begitu bersamaan, terutama sekali keadaan kelayakan para bidan-bidan yang sedia ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya matlamat Kementerian ini yang bertujuan untuk mempertingkatkan cara perbidanan moden dan yang lebih berteknologi, sememangnya Akta ini harus dan sepatutnya sudah diperuntukkan di Sabah dan Sarawak semenjak ianya didapati berkesan di Semenanjung. Pada ketika ini kita dapati bidan-bidan ini terutama sekali di Sabah amatlah dalam keadaan kerja-kerja yang sesungguhnya amat kita sanjung, dan kepada bidan-bidan ataupun private midwifery clinics, haruslah Kementerian mengawasi demi kebaikan masyarakat umum dan harus sentiasa menyelidiki keadaan kesesuaian dan mutu klinik tersebut, demikian juga kelayakan bidan-bidan dan jururawat yang bertugas, di private midwifery clinics tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu kepada Kementerian ini supaya mengulang kaji kesesuaian gaji atau elaun-elaun jururawat atau bidan-bidan yang bertugas di pelusuk luar bandar, kerana saya ketahui bahawa kebanyakan bidan yang bertugas di luar bandar sanggup meninggalkan keluarganya atau anak-anak kecil mereka untuk bertugas di luar bandar. Dalam perkara ini, saya rumuskan

bahawa tugas bidan amatlah besar dan penting dalam negara yang membangun. Oleh itu ganjaran harus kita fikirkan kepada mereka. Saya ketahui bahawa ada bidan-bidan yang terpaksa berjalan kaki sehingga berbatu-batu kerana tidak mempunyai kenderaan. Perkara ini juga harus Kementerian mengambil berat supaya mereka boleh melayan ibu-ibu dengan cara yang baik dan tidak ragu-ragu. Ada juga bidan-bidan yang sendiri hamil bilamana ia terpaksa berjalan kaki untuk melayani ibu-ibu yang bersalin secara emergency. Oleh itu Kementerian harus mengambil kira keselamatan, kesihatan dan tatacara bidan-bidan yang bertugas ini. Cara yang baik untuk mengatasi masalah ini ialah Kementerian harus memperbanyakkan klinik-klinik desa atau klinik-klinik kampung, terutama sekali di Sabah dan Sarawak.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh ke atas Akta (Pindaan) Rang Undang-undang ini dan saya berharap Kementerian Kesihatan akan lebih berusaha dan mudah-mudahan selepas Akta ini diperluaskan ke Sabah, mutu peningkatan perbidanan dapat berkesan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Larut.

6.27 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong satu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Bidan 1966 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta sebagaimana yang dipinda ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah sudah sampai masanya pindaan Akta Bidan ini perlu dibuat oleh kerana banyak perubahan-perubahan yang

dialami oleh masyarakat sejak Akta Bidan ini diperkanunkan pada tahun 1966.

Tuan Yang di-Pertua, sempena dengan rancangan Kerajaan bagi menambah penduduk-penduduk di Malaysia ini ke angka 70 juta, saya percaya perkhidmatan bidan-bidan adalah diperlukan dengan banyaknya. Ini bermaksud Kerajaan perlu melatih banyak lagi bidan-bidan untuk ditempatkan di luar bandar bukan sahaja di bandar-bandar yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, memang sering kita dengar keluhan-keluhan penduduk-penduduk di luar bandar tidak mendapat perkhidmatan perbidanan yang sempurna kerana yang pertama masih banyak di kampung.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun, minta penjelasan.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tadi Yang Berhormat ada sebut sesuai dengan dasar 70 juta penduduk, kemudian diperbanyakkan bilangan bidan, bolehkah Yang Berhormat beritahu kaitannya dengan dasar 70 juta?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, banyak bilangan bidan itu dikehendaki kerana ramai orang yang hendak beranak (*Ketawa*) dan sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat di sebelah sana tadi setengah-setengah bidan ada yang hamil, tetapi di Larut tidak ada yang hamil lagi (*Ketawa*). Saya percaya perkhidmatan bidan-bidan adalah diperlukan dengan banyaknya. Ini bermaksud setelah latihan-latihan mereka itu ditempatkan di luar bandar

bukan sahaja di bandar-bandar yang
besar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat, masa sudah pukul 6.30.
Boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat,
mesyuarat ditangguhkan hingga jam
2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul
6.30 petang.*